



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2531]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:
Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 2566]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983:
Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 [Ruangan 2566]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIRBIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam**
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI**
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'**
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.**
(Batu Berendam).

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,**
D.P.C.M., (Taiping).

„ **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,**
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK**
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO**
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'**
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAİMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YAİM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAJ, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIRBIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- ” Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIBBIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).**
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).**
- „ **TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).**
- „ **TUAN DAUDBIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).**
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).**
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- „ **DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).**
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **TUAN KAN YAU FA (Tawau).**
- „ **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).**
- „ **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGIANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).**

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).**
- „ **TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSAIN TAMBAKAU (Keningau).**
- „ **TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).**
- „ **TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).**
- „ **DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).**
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**

Yang Berhormat **TUAN TAN KOON SWAN** (Damansara).
,, **TUAN TAN KOK HOOI** (Padang Serai).
,, **DR TAN SENG GIAW** (Kepong).
,, **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
,, **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD** (Jerantut).
,, **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH** (Pasir Mas).
,, **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED** (Pasir Puteh).
,, **WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.** (Sungai Petani).
,, **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA** (Bagan Datok).
,, **TUAN YEOPH SAN** (Petaling).
,, **TUAN YEW FOO WENG** (Menglembu).
,, **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S.**
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENGELUAR/PENAPIS
MINYAK KELAPA SAWIT
PERTENGKARAN

I. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengelak pertengkaran yang sering berlaku di antara pengeluar-pengeluar minyak kelapa sawit mentah dan tuanpunya-tuanpunya kilang penapis minyak kelapa sawit tempatan supaya tidak merosakkan perindustrian minyak kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar pertengkaran sering berlaku di antara pengeluar minyak kelapa sawit mentah dan penapis-penapis minyak kelapa sawit. Dalam proses penapis-penapis minyak kelapa sawit mendapatkan bekalan minyak mentah daripada pengeluar-pengeluarnya, mungkin ada berlaku perasaan tidak puas hati semasa rundingan jual beli dilakukan dan keadaan ini kadangkala berlaku di dalam semua perniagaan.

Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan perhubungan dalam industri kelapa

sawit dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan saya sendiri dari masa ke semasa mengadakan dialog dengan penapis-penapis minyak kelapa sawit dan juga pengeluar-pengeluar minyak mentah untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi bersama. Selain daripada itu, Kementerian saya sedang mengusahakan penubuhan konsortium untuk melaksanakan pemasaran minyak kelapa sawit Malaysia dengan lebih berkesan lagi. Usaha ini memerlukan persefahaman dan kerjasama di antara pengeluar minyak kelapa sawit mentah dan pihak penapis. Kejayaan akan terjamin apabila pengeluar minyak mentah dan pihak penapis tidak menganggap diri mereka sebagai kumpulan berasingan tetapi sebagai satu industri kelapa sawit yang bergerak demi kepentingan keseluruhan industri dan negara. Hasil kejayaan dari segi mendapatkan pasaran baru dan memperluaskan pasaran yang sedia ada untuk minyak kelapa sawit akan dinikmati oleh semua pihak.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa tidak ada pertengkaran yang berlaku di antara pengeluar dan penapis minyak kelapa sawit, cuma perasaan tidak puas hati sahaja berlaku. Saya ingin tahu, apakah perkara-perkara yang menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati ini berlaku.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, mereka yang terlibat dalam industri minyak kelapa sawit

terdiri daripada golongan penjual minyak mentah kelapa sawit dan pembeli minyak mentah kelapa sawit. Jadi, memanglah sebagaimana yang saya sebutkan tadi, di antara mereka ini sekali-sekala memang wujud mungkin perasaan yang ingin hendak apa yang dikehendaki oleh pihak sesekumpulan itu disetujui oleh pihak yang satu lagi. Jadi memanglah keadaan ini berlaku. Namun demikian tidaklah sebagaimana yang dikata oleh Yang Berhormat itu begitu sering sebagaimana yang disebut dalam soalan yang dikemukakan. Namun demikian, pihak Kerajaan sebagaimana saya katakan tadi sentiasa berusaha untuk menentukan tidak wujud pertelingkahan yang berlaku seperti ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila salah faham dan tidak puas hati itu berlaku tentulah disebabkan harga. Jadi apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan harga yang berpatutan ataupun harga minima bagi penjualan itu supaya perkara tidak puas hati ini tidak timbul dan pihak pengeluaran kelapa sawit ini tidak tertindas oleh pembelian dengan harga yang murah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, kita ini berada dalam negara yang menerima dasar bila mana permintaan dan pengeluaran adalah menjadi faktor utama menentukan harga bahan-bahan tersebut. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Kerajaan sentiasa mengawasi dan berusaha untuk menentukan dengan rundingan-rundingan yang diadakan. Harga yang berpatutan akan dapat diwujudkan supaya semua pihak akan dapat berpuashati sekalipun tidaklah boleh kita menentukan sama ada kita boleh mewujudkan harga minima atau tidak untuk perkara ini.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan ada rancangan penubuhan konsortium bagi pengeluaran-pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dan tuannya kilang-kilang penapis. Dalam usaha mengadakan konsortium ini, adakah pihak Kementerian menentukan bahawa dengan adanya konsortium, ertinya peladang-peladang atau pekebun-pekebun kelapa sawit juga mendapat faedah daripada konsortium itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Itu menjadi harapan pihak Kementerian.

TEKSI—PEMINJAM WANG MARA

2. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar ramai peminjam-peminjam wang MARA untuk membeli kereta-kereta teksi tidak dapat membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut disebabkan mereka ini terpaksa bersaing dengan bas-bas ekspres dan bas-bas pelancong yang kadang kala teksi menjadi mangsa, jika sedar adakah beliau bercadang mengambil satu daya usaha untuk merundingkan hal ini dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya pemilik-pemilik teksi juga dapat mencari saraan hidup serta dapat mengembalikan wang pinjaman mereka kepada pihak MARA dengan baiknya.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Tan Sri Shelkh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya sedar memang ada beberapa peminjam wang MARA untuk membeli kereta-kereta teksi gagal membayar balik pinjaman mereka dengan baik. Tetapi kegagalan ini

bukanlah kerana semata-mata disebabkan persaingan perkhidmatan dari bas-bas ekspres dan bas-bas pelancungan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan untuk membeli sebuah teksi akan disiasat dengan teliti dan hanya diluluskan setelah MARA berpuas hati projek itu mempunyai daya maju operasi atau viability di kawasan kawasan tertentu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sama ada perkhidmatan pengangkutan itu berupa bas pelancungan, bas ekspres, bas biasa atau teksi masing-masing mempunyai pelanggan-pelanggan yang tertentu. Juga kita mestilah menerima hakikat sebenar iaitu di dalam sebarang kegiatan ekonomi faktor-faktor persaingan tetap wujud dan kita tidak dapat lari dari persaingan. Persaingan sesama pengusaha-pengusaha teksi sendiri juga wujud. Malahan persaingan yang sihat akan menonjol dan menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan sempurna lagi bagi orang ramai.

Walau bagaimanapun, pihak MARA adalah sentiasa berusaha memberi khidmat nasihat kepada mereka secara perseorangan dan juga melalui persatuan-persatuan kereta sewa. MARA adalah sahabat dan penasihat kepada mereka dan sentiasa boleh diajak berunding jika masalah-masalah kesukaran membayar balik pinjaman sebenarnya wujud.

Tuan Haji Azharul Abdin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Oleh kerana kesukaran mendapatkan balik wang pinjaman daripada peminjam-peminjam membeli teksi ini, adakah pihak MARA bercadang untuk menyediakan pegawai-pegawai

pemungut hutang-hutang itu kembali sebagaimana semasa RIDA memungut kepada SCSC yang berhenti apabila mereka meminjam dahulu.

Tuan Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memang pihak MARA telah pun mewujudkan pemungut hutang (Bill Collector) untuk mengutip sebulan sekali bagi mereka yang tidak ada masa untuk datang ke Pejabat MARA.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapakah perkara ini berlaku dan apakah tindakan kementerian ini bagi memastikan agar peminjam-peminjam wang MARA ini dapat menjelaskan balik pinjaman mereka kepada MARA?

Tuan Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, ada beberapa sebab mengapa peminjam-peminjam itu tidak dapat membayar balik pinjaman mereka kepada pihak MARA. Di antaranya ialah sikap tidak peduli iaitu mereka anggap wang MARA ini sebagai wang Kerajaan dan Kerajaan tidak akan menyusahkan rakyat, jika tidak bayar pun tidak mengapa dan Kerajaan mungkin tidak mengambil tindakan yang ketat. Ada pula selepas owner-operator ini mendapat pinjaman mereka menjadi taukeh dan memberi kepada orang lain pula secara sewa atau pajak menjalankan perniagaan teksi tadi.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Selain daripada membeli kereta-kereta teksi adakah MARA memberi pinjaman kepada bas ekspres dan juga bas pelancung.

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan itu, soalan itu tidak berbangkit.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah disebabkan ramai bilangan peminjam-peminjam yang tidak membayar balik pinjaman kenderaan mereka maka MARA buat masa ini membekukan pinjaman-pinjaman.

Tuan Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi pihak MARA selalu tiap-tiap kali menerima permohonan daripada pemohon-pemohon akan mengkaji. Buat sementara pihak MARA tidak membekukan pinjaman-pinjaman itu.

<i>Pusat</i>	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-Lain</i>	<i>Jumlah</i>
Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bharu	58	26	24	2	110
Pusat Pemulihan Dadah Bukit Mertajam	39	48	16	—	103
Pusat Pemulihan Dadah Tampoi ..	65	24	8	—	97
Pusat Pemulihan Dadah Besut ..	76	—	—	—	76
	238	98	48	2	386

Pada tarikh yang sama seramai 82 orang penagih dadah sedang menjalani pemulihan di Pusat Pertolongan Batu Gajah, Perak iaitu sebuah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang boleh menampung seramai 200 orang penagih. Dari 82 orang ini terdapat 7 orang Melayu, 75 orang Cina. Dari jumlah yang sama juga ada seramai 3 orang wanita yang terdiri daripada 2 orang Cina dan 1 orang Melayu.

Tuan Lim Kit Slang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kebajikan Am tahu angka yang diberikan dekat 400 orang penagih yang dapat rawatan berapa peratus daripada jumlah seluruh

PENAGIH DADAH—RAWATAN

3. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah penagih-penagih dadah yang dirawat di Pusat-pusat Pemulihan di seluruh negara sekarang dan berikan jumlah bilangan menurut kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kementerian Kebajikan Am mengelolakan 4 buah Pusat Pemulihan Dadah di Kuala Kubu Bharu, Selangor, Tampoi, Johor, Bukit Mertajam Pulau Pinang dan Besut, Terengganu, dan boleh menempatkan 590 orang penagih. Pada 31-10-1982 ada seramai 386 orang penagih yang menjalani pemulihan di keempat-empat pusat ini. Pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:

penagih-penagih dadah di negara kita, berapa orang penagih-penagih dadah yang ada dalam negara kita dan bilangan mereka yang mendapat rawatan berapa peratus?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang Dipertua, menurut pendaftaran yang didapati mulai dari bulan Oktober, 1975 hingga Disember 1981 jumlah penagih-penagih dadah di negara ini adalah 14,451 orang, yang telah masuk untuk pemulihan adalah 5,984.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu biasanya berapa lama seorang penagih dadah setelah dirawat

boleh pulih dan setelah mereka pulih adakah diterima oleh masyarakat dan senang dapat kerja?

Tuan Yang Dipertua: Itu keluar daripada soalan asal. Soalan asal ialah mengenai jumlah penagih-penagih dadah dan yang dirawat dan pusat-pusat pemulihan, berapa bilangannya sahaja. Kalau lain daripada itu janganlah ditanyakan.

Tuan N. Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada masih terdapat banyak permohonan-permohonan untuk rawatan yang ditolak oleh pusat-pusat pemulihan kerana kekurangan kemudahan-kemudahan dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang Dipertua, kita memang sedar ada bilangan yang tidak dapat masuk ke pusat-pusat pemulihan ini seperti jumlah yang saya katakan tadi sebanyak 14,000 yang sudah dirawat 5,000 lebih. Kita sedar, kita ambil perhatian.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am iaitu selain daripada pusat-pusat pemulihan dadah yang disediakan oleh Kerajaan terdapat juga pusat-pusat pemulihan dadah secara tradisi. Kadang-kadang di sini adalah lebih berkesan lagi apabila penagih-penagih ini dipulihkan di tempat tersebut. Jadi, adakah Kementerian ini bercadang untuk memberi kerjasama ataupun memberikan peruntukan kepada pusat-pusat pemulihan tradisi ini supaya bilangan penagih-penagih dadah ini dapat diketahui benar-benar berapa ramai yang dipulihkan melalui Kerajaan dan berapa pula dipulihkan melalui pusat-pusat pemulihan tradisi ini.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, setakat ini Pusat Pemulihan Dadah Tradisional itu adalah berjalan dengan secara persendirian kerana belum ada lagi formula ataupun modelity yang sebenar-benarnya boleh menjamin penagih itu pasti pulih. Sebab itulah kajian perlu dibuat sebelum kita dapat mengakui perubahan cara tradisional ini. Kita tidak menghalang walau dengan apa jua cara pun asalkan penagih dadah itu boleh pulih termasuk cara tradisional. Kementerian Kebajikan Am tidak pula menghalang tetapi oleh kerana masalah itu besar maka sebab itulah pihak kita pada masa ini hanya menumpukan rawatan itu mengikut cara yang telah dibuat oleh Kementerian Kebajikan Am dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Hari ini Kerajaan menambahkan tempat-tempat pemulihan dadah dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat dadah dari dimasukkan ke Malaysia?

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir soalan itu tak bersangkutan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, adakah Menteri Kebajikan Am sedar iaitu penagih dadah yang telah dapat rawatan di Pusat Pemulihan Dadah apabila sembuh mereka dibebaskan, tetapi tak berapa lama dimasukkan balik ke tempat-tempat pusat pemulihan? Soalnya apakah yang menyebabkan demikian. Kedua, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengelakkan perkara seperti itu tidak berlaku lagi?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, saya rasa saya telah berkali-kali menjelaskan di dalam Dewan ini

bahawa pemulihan penagih dadah adalah satu perkara yang sangat rumit dan tidak ada jaminan bahawa seorang penagih yang telah dipulihkan itu tidak kembali menghisap dadah. Jadi di sini saya suka berikan satu contoh iaitu tak usah kata hendak berhenti menagih dadah, untuk berhenti merokok pun rasa saya cukup susah (*Ketawa*). Tidak ada jaminan seseorang yang sudah berhenti merokok itu tidak balik merokok.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Di antara penagih-penagih dadah yang sedang dipulihkan itu berapa banyak yang lelaki dan perempuan yang menjadi penagih? Soalan yang kedua, berapa peratus di antara penagih-penagih dadah itu yang telah dapat benar-benar dipulihkan dan dapat kembali ke dalam masyarakat?

Datin Paduka Hajjab Alshah binti Haji Abdul Gbani: Tuan Yang Dipertua, berkenaan soalan yang pertama berkenaan pecahan bilangan penagih lelaki dan perempuan saya jelaskan bahawa setakat ini pusat pemulihan kita adalah menempatkan penagih lelaki sahaja. Oleh kerana di akhir-akhir ini telah ada perkembangan penagih-penagih perempuan kita juga akan cuba menyediakan pusat pemulihan bagi penagih wanita untuk rancangan yang akan datang.

Jawapan soalan kedua, mengikut kajian kita, peratus yang sebenar-benarnya boleh pulih susahlah saya hendak beritahu. Walau bagaimanapun, Kementerian ada menyelia penagih-penagih dadah yang sudah pulih itu selama dua tahun. Dari seliaan ini dapat diketahui iaitu kira-kira 40% boleh dipulihkan, yang selebihnya ada kalanya tidak dapat dikesani dan sebahagiannya balik semula menagih.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu adakah penagih dadah yang dirawat di Pusat Pemulihan diberikan latihan vokesyenal.

Tuan Yang Dipertua: Jawabnya ada.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Mengikut penerangan tadi dikatakan ramai yang sedang dirawat sebagai penagih dadah. Adakah dalam masa rawatan itu berlaku kematian dengan sebab dadah?

Tuan Yang Dipertua: Adakah kematian pada masa dalam rawatan?

Datin Paduka Hajjab Alshah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, ada juga.

Tuan Yang Dipertua: Ada. Jawabnya ada (*Ketawa*).

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan terdapat lebih kurang 14,551 orang penagih di mana lebih 5,000 setakat ini sedang menerima rawatan, itu bererti bahawa lebih kurang 10,000 lagi penagih yang berkeliaran belum dipulihkan. Jadi soalnya adakah.....

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir angka yang diberi itu silap. Cuba ulangkan angka itu semula.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masih ramai bilangan penagih dadah yang belum mempunyai kesempatan untuk menerima rawatan daripada pusat-pusat pemulihan itu, adakah Kementerian Kebajikan Am itu bercadang untuk menubuhkan pusat pemulihan yang baru ataupun memperluaskan skop perkhidmatan, misalnya, macam Pusat Pemulihan Pengemis di Mersing dijadikan sebagai tempat memulihkan penagih dadah?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, jawabnya, ada.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan rawatan yang diberikan kepada penagih dadah, saya ingin bertanya Menteri berkenaan cara rawatan itu adakah menggunakan cara yang "standardise" atau "cold turkey treatment" yang digunakan di luar negeri?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, cara rawatan itu yang cold turkey pun ada, yang tidak cold turkey pun ada.

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir sudah cukuplah berkenaan dadah ini — lama-lama sangat bahaya (*Ketawa*).

UNDANG-UNDANG BURUH PENERBITAN BUKU YANG LENGKAP

4. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sama ada beliau bercadang menerbitkan satu buku yang lengkap merangkumi semua undang-undang buruh yang dikuatkuasakan sehingga hari ini di negara kita untuk memudahkan orang ramai membuat rujukan memandangkan sekarang undang-undang ini terdapat dalam buku berasingan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini ada 16 undang-undang utama yang dikelola dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Antaranya yang terpenting ialah:

(1) *Akta Kerja, 1955*

Akta ini berkuatkuasa mulai 1-6-1957 dan bertujuan

melindungi kaum pekerja dengan mewujudkan syarat-syarat dan keadaan-keadaan pekerjaan yang lebih realistik serta membekalkan cara-cara pekerja menuntut hak-hak mereka. Dengan kuasa Akta Kerja 1955 ini, Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980 telah dikuatkuasakan mulai 1-10-1980.

(2) *Peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Buruh), 1960*

Peraturan itu dikuatkuasakan mulai 1-8-1960, bertujuan mendaftar pekerja-pekerja di beberapa industri tertentu sebagai langkah menentang anasir-anasir subversif.

(3) *Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966*

Akta ini dikuatkuasakan mulai 1-10-1966, bertujuan mengawal supaya rumah-rumah yang disediakan oleh majikan untuk tempat tinggal pekerja mereka mengikut piawaian tertentu.

(4) *Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947*

Akta ini dikuatkuasakan di Semenanjung mulai 1-9-1947, Sarawak 1-1-1965 dan Sabah 2-2-1967, bertujuan membekalkan cara-cara menubuhkan Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja industri di mana mereka tidak berupaya untuk membela nasib mereka.

(5) *Akta (Kerja) Kanak-kanak dan Orang-orang Muda, 1966*

Akta ini dikuatkuasakan mulai 1-10-1966, bertujuan menetapkan syarat-syarat perkhidmatan

- bagi kanak-kanak (di bawah umur 14 tahun) dan Orang-orang Muda (14-16 tahun).
- (6) *Akta Kesatuan Sekerja 1959*
 Ordinan ini dikuatkuasakan di Semenanjung mulai 1-6-1959, Sabah 22-3-1965 dan Sarawak 5-8-1965, bertujuan mengawal dan mengawasi pergerakan Kesatuan Sekerja sejajar dengan kehendak dan kepentingan Negara.
- (7) *Akta Perhubungan Perusahaan, 1967*
 Akta ini dikuatkuasakan mulai 7-8-1967, bertujuan mewujudkan suasana Perhubungan Perusahaan yang harmoni di Negara ini.
- (8) *Akta Kilang dan Jentera, 1967*
 Akta ini dikuatkuasakan mulai 1-2-1970, bertujuan menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kaum pekerja di kilang-kilang dan di tempat-tempat pekerjaan yang menggunakan jentera.
- (9) *Akta Pampasan Pekerja, 1952*
 Akta ini dikuatkuasakan mulai 1-4-1953.
- (10) *Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969*
 Akta ini dikuatkuasakan mulai 2-4-1969, bertujuan mewujudkan Sekim Insuran Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat.
- (11) *Akta (Sekatan) Kerja, 1968*
 Akta ini dikuatkuasakan mulai 1-7-1969.
- (12) *Lain-lain Undang-undang*
- (i) Akta Cuti Mingguan, 1950
 - (ii) Akta Penerangan Kerja, 1953

(iii) Ordinan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan, 1958

(iv) Kanun Buruh (F.M.S.) Bab 154.

Tuan Yang Dipertua, naskah Undang-undang tersebut boleh didapati oleh orang ramai dari Percetakan Kerajaan secara berasingan mengikut keperluan masing-masing. Kementerian saya berpendapat adalah tidak ekonomik dan tidak bercadang untuk mencetak semua undang-undang Buruh itu dalam bentuk sebuah buku kerana undang-undang tersebut perlu dikaji dan diperkukuhkan dari masa ke semasa selaras dengan perubahan sosio-ekonomi dan keperluan semasa.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya menyedari perlunya orang ramai, terutama sekali majikan dan pekerja, mengetahui dan memahami segala Undang-undang Buruh yang ada berkuatkuasa sekarang, dan sentiasa menghantar pegawai-pegawai untuk memberi ceramah dalam kursus-kursus Undang-undang Buruh yang dianjurkan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja, Jabatan Penerangan, Majikan-majikan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Di samping itu Kementerian saya telah juga mencetak risalah-risalah mengenai Undang-undang Buruh untuk diedarkan kepada orang ramai bagi pengetahuan mereka.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, dengan izin, I would like to ask the Deputy Minister how many labour laws in Malaysia have been unified between Sabah and Sarawak and Semenanjung Malaysia and when the Employment Ordinance will be extended to Sabah and Sarawak?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, ada beberapa Undang-undang Perburuhan yang belum lagi diperluaskan ke Sabah

dan Sarawak. Yang pertama Akta Kerja 1955 belum lagi diperluaskan dan ianya masih di dalam urusan kajian dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan sehingga ini belum lagi ditentukan bilakah tarikh perluasan Akta Kerja 1955 ini ke Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu Akta yang belum lagi diperluaskan ke Sabah dan Sarawak ialah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966, Akta (Kerja) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966, dan Akta Cuti Mingguan 1950.

KEMATIAN LT. MUDA (UDARA) SUGUDEV AKIBAT RAGGING

5. **Tuan Lim Kit Slang** minta Menteri Pertahanan menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam "ragging" ketenteraan yang mengakibatkan kematian Lt. Muda (Udara) Sugudev di markas TUDM di Kuching dalam bulan Julai 1982, dan nyatakan apakah tindakan khusus yang telah diambil berkaitan dengan kematian Lt. Muda (Udara) Sugudev serta tindakan am yang diambil berkaitan dengan "ragging" dalam Angkatan Tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (g), perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah *sub-judice*, kerana kes ini sedang dalam perbicaraan di Mahkamah Majistret di Kuching, Sarawak pagi ini.

Tuan Lim Kit Slang: Tuan Yang Dipertua, ada dua bahagian iaitu mengenai ragging in general. Masalah ragging yang ada dalam perkhidmatan tentera itu hendaklah tidak *sub-judice*, satu yang specific ataupun general, apa maknanya? Masalah ragging di peringkat awal, berapa orang sudah mati, apa tindakan sudah diambil?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan jawab berkenaan dengan kes ini.

Tuan Lim Kit Slang: Tuan Yang Dipertua, apa ertinya, apa kaitannya itu, pertanyaan saya ada dua bahagian iaitu satu ialah mengenai ragging in general.....

Tuan Yang Dipertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, seseorang Menteri boleh tidak mahu menjawab satu-satu soalan.

Tuan Lim Kit Slang: Ya, tetapi itu ialah berdasarkan *sub-judice*.

Tuan Yang Dipertua: Dia boleh, berhak walaupun.....

Tuan Lim Kit Slang: Itu bukan tidak mahu menjawab *sub-judice*.....

Tuan Yang Dipertua: Walaupun perkara itu tidak *sub-judice*. Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH—PELAKSANAAN

6. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan kemajuan yang telah dicapai di dalam perlaksanaan sistem pendidikan 3M yang telah bermula di beberapa sekolah di negara ini dan setakat ini adakah masih terdapat ibubapa dan kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat yang menentang sistem ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, melalui pengesanan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, didapati beberapa kemajuan telah dapat dicapai mengenai pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) setakat ini. Dari segi guru, didapati pada masa ini jika dibandingkan dengan awal

tahun guru-guru lebih berkeyakinan untuk menjalankan pengajaran mengikut panduan-panduan yang dicadangkan dan memilih cara-cara yang lebih sesuai dengan situasi sekolah dan kelas masing-masing. Sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR juga telah menubuhkan jawatankuasa KBSR bagi membantu meringankan beban guru dan mengatasi masalah-masalah yang timbul. Dari segi pembelajaran murid kemajuannya lebih nyata lagi. Murid-murid adalah lebih berminat untuk belajar dan mereka lebih aktif mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam pembelajaran. Interaksi sesama mereka dan di antara mereka dengan guru adalah lebih lancar berbanding dengan kelas-kelas lain yang tidak mengikut KBSR. Hasil daripada suasana yang demikian pencapaian murid dalam pelajaran juga adalah lebih baik.

Setakat yang diketahui tidak ada lagi golongan yang tidak berpuashati dengan rancangan ini.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa terdapat banyak ibu bapa yang tidak berpuashati dengan sistem 3M yang tidak memasukkan bahasa Inggeris dalam tiga tahun permulaan persekolahan rendah di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Bolehkah pihak Kementerian mengambil langkah untuk melayan kehendak rakyat itu dengan menyusun semula sukatan pelajaran demikian rupa supaya perkara-perkara yang tidak penting seperti lukisan dikurangkan waktunya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, setakat segala pengesanan yang telah dibuat oleh Kementerian didapati tidak ada lagi penyusunan baru yang perlu dibuat bagi apa yang telah kita putuskan.

Setakat ini segala persiapan dibuat setelah dipertimbangkan segala bahan maklumbalas yang kita terima, mengkaji, dan mengubahsuai. Jadi cadangan untuk menyusun semula, menambah khasnya mengenai bahasa Inggeris tidak lagi timbul dan saya telah pun menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini dahulu bahawa cadangan penambahan bahasa Inggeris seperti yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan dilakukan lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Berapa lama diperlukan untuk melatih seorang guru bagi menjayakan sistem 3M? Dan untuk tiap-tiap bilik darjah dalam sistem tersebut, berapa murid-murid dianggap bilangan yang sempurna?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mendengar soalan yang pertama. Yang kedua, mengenai berapa murid.

Tuan Yang Dipertua: Sila ulangkan sekali lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Berapa lama diperlukan untuk melatih seorang guru bagi menjayakan sistem 3M? Dan untuk tiap-tiap bilik darjah dalam sistem tersebut, berapa murid-murid dianggap bilangan yang sempurna?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, apa yang kita lakukan ialah guru-guru yang dikehendaki mengajar KBSR ini diberikan orientasi, ataupun kursus di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, bagi guru-guru yang akan mengajar pada tahun-tahun yang berikutnya, latihan KBSR ini telah pun dimasukkan menjadi sebahagian daripada Kurikulum yang diterima oleh guru-guru di Maktab-maktab Perguruan, iaitu kursus selama 3 tahun.

Mengenai angka ideal berapa banyakkah murid-murid yang perlu berada di dalam satu kelas KBSR. Untuk sekarang kita mengambil angka sekitar 45, di bandar, sebaiknya tidak lebih daripada 45. Dalam tinjauan kita pun angka-angka yang sesuai atas beberapa faktor yang dipertimbangkan dan yang dilakukan di dalam 302 sekolah, ialah di antara 40 sehingga 45. Ini dipandang sudahpun sesuai.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar walaupun beliau telah menyebutkan bahawa tidak ada orang-orang, Kumpulan-kumpulan yang tidak puas hati tetapi saya sering kali mendengar bahawa termasuk guru-guru dan ibubapa yang tidak puas hati kerana bilangan murid-murid dalam bilik-bilik darjah ini kadangkala lebih daripada 50?

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak dibenarkan berbahas di dalam masa soal-jawab.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di dalam pelaksanaan sistem 3M yang telah bermula di beberapa buah sekolah sekarang ini adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk melaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara pada tahun 1983 ini, dan jika ya, apakah tindakan Kementerian ini seandainya ada sekolah-sekolah yang tidak mahu melaksanakan sistem 3M ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, yang pertama, sudahpun diumumkan dan menjadi dasar Kerajaan bahawa mulai pada tahun hadapan sistem KBSR ini akan dilaksanakan bagi semua sekolah rendah di seluruh negara.

Yang keduanya, sebagai persiapan semua bahan termasuk buku teks, buku panduan am, panduan khas, buku sumber, kit dan bahan-bahan tambahan sudah pun dihantar kepada sekolah-sekolah. Dari segi dasar, dari segi pelaksanaannya maka tidak ada opsyen sesebuah sekolah itu boleh lari daripada pelaksanaan ini.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Pada peringkat permulaan pelaksanaan sistem 3M ada kedengaran ibubapa dan kumpulan-kumpulan tertentu menentang sistem 3M. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini mereka yang menentang itu adakah menentang konsep 3M yang sesuai dengan kaedah pelajaran moden ataupun menentang cara pelaksanaan yang terdapat dalam pelaksanaan 3M seperti bahan-bahan bahasa China tidak disediakan untuk sekolah-sekolah China?

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya soalan itu lebih kurang dengan soalan Wakil dari Kepong, tidak dibenarkan siapa-siapa Ahli mengajak mana-mana Menteri berbahas di dalam satu-satu soal-jawab.

SYARIKAT KERJASAMA NELAYAN

7. **Datuk Edwin Anak Tangkun** minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Syarikat Kerjasama secara besar-besaran untuk meninggikan taraf hidup kaum nelayan di negara ini dan membeli kapal-kapal menangkap ikan dari luar bagi membolehkan mereka menangkap ikan di lautan dalam.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Nguan): Tuan Speaker, Syarikat Kerjasama Nelayan tidak

boleh ditubuhkan lagi selepas ujudnya Akta Persatuan Nelayan 1971. Selepas 1971 hanya Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan sahaja yang boleh ditubuhkan. Persatuan Nelayan-nelayan akan diberi perhatian, bantuan dan galakan supaya mereka akan kuat dan kukuh untuk bersama-sama memainkan peranan meninggi taraf hidup nelayan.

HARGA KOMODITI— MENSTABILKAN

8. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menstabilkan harga-harga komoditi seperti bijih timah, getah, minyak sawit dan koko yang semakin menurun.
- (b) perjanjian Komoditi Antara-bangsa yang negara kita telah memasuki telah tidak berjaya dalam membendung keturunan harga komoditi berkenaan, maka sejauh manakah kita telah maju ke hadapan dalam melaksanakan Pertubuhan Pengeluar Antarabangsa (International Producers Association) untuk melindungi harga komoditi kita.
- (c) Bagaimanakah berkesannya "International Producers Association" dalam membendung keturunan harga-harga sebagaimana ANRPC telah menunjukkan tidak kemampuannya untuk menyelamatkan relief yang cukup dengan menggunakan kawalan eksport dalam masa harga rendah bagi getah, selepas buffer stocking telah gagal kerana satu fakta sekatan dalaman pekebun-pekebun kecil meliputi 60%

jumlah pengeluarannya dan sebarang kawalan eksport akan menjejaskan dengan teruknya pendapatan yang sebenar pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Uth):
Tuan Yang Dipertua,

- (a) Mengenai soalan (a) jawapan telah pun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 14-10-1982 semasa menjawab pertanyaan mulut mengenai perkara yang sama maksudnya daripada Yang Berhormat Ahli dari Marudu, dan pada 27-10-1982 oleh saya semasa menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Ahli dari Bandar Kuching.
- (b) dan (c) Begitu juga mengenai soalan (b) dan (c) jawapan telah pun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 28-10-1982 semasa menjawab soalan mengenai perkara yang lebih kurang sama daripada Yang Berhormat Ahli dari Alor Setar dan semasa saya menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1983 pada 5-11-1982.

PEPERIKSAAN SPM BAHASA MALAYSIA

9. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran pernah menemui penipuan yang berlaku dalam Peperiksaan Bahasa Malaysia SPM; jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi penipuan itu.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran pernah menemui satu dua kes penipuan dalam peperiksaan khas SPM Bahasa Malaysia dari masa ke semasa. Ia tertumpu kepada perbuatan tukar menukar angka giliran atau mendapatkan pertolongan orang lain.

Lembaga Peperiksaan telah pun mengeluarkan penjelasan tentang kes penipuan dalam peperiksaan SPM Bahasa Malaysia ini dan tentang langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya penipuan. Di antara langkah yang sedia diambil ialah memperkemas lagi jentera pentadbiran peperiksaan khususnya memberi perhatian berat terhadap peraturan menyemak pengenalan diri calon sepanjang masa pengawasan peperiksaan. Di samping itu kerjasama Polis adalah dipertingkatkan untuk memastikan kes-kes jenayah seperti ini dibawa ke muka pengadilan. Diharap tindakan-tindakan tegas sedemikian akan dapat menolong usaha ke arah membentasi penipuan bukan sahaja dalam peperiksaan SPM Bahasa Malaysia tetapi juga dalam peperiksaan lain yang dikendalikan di negara ini.

GANJARAN/PENCEN KEPADA BEKAS PERAJURIT

10. Tuan Andrew Janggi Muiyang minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar beberapa orang bekas-bekas perajurit, waris-waris dan balu-balu mereka selalu mengalami masalah kelambatan menerima wang ganjaran dan pencen mereka. Jika ya, apakah langkah dan tindakan Kementerian Pertahanan untuk mengatasi masalah ini.

Abang Abu Bakar bin Dato' Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa beberapa orang bekas-bekas perajurit,

waris-waris dan balu-balu mereka selalu mengalami kelambatan menerima wang ganjaran dan pencen mereka. Mengikut rekod kami setakat ini kes-kes yang belum selesai adalah kes-kes kematian sahaja sebanyak 5 kes, iaitu 1 di Sarawak dan 4 di Semenanjung Malaysia.

Adalah dimaklumkan bahawa urusan penyediaan kertas-kertas pencen dikendalikan oleh pihak Jabatan Arah Rekod dan Pencen, Kementerian Pertahanan 9 bulan sebelum seseorang anggota Tentera itu bersara. Kertas-kertas berkaitan dengan pencen ini semuanya dimajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen untuk proses pembayaran. Ini tidak menimbulkan sebarang masalah kelewatan pembayaran. Bagi kes-kes kematian, urusan pembayaran pencen tidak dapat dijalankan sepertimana yang disebutkan tadi, ini disebabkan penyiasatan atas kematian terpaksa dijalankan untuk menentukan amaun wang ganjaran atau/dan pencen mengikut jangka masa perkhidmatannya. Penyelidikan kertas-kertas ini akan mengambil masa oleh kerana dokumentasi mestilah lengkap. Walau bagaimanapun, supaya tidak menyusahkan waris dan balu-balu anggota-anggota Tentera yang meninggal dunia, Kerajaan mengikut Akta Angkatan Tentera, 1972 (Peraturan Angkatan Tetap, Pencen, Ganjaran dan Faedah Lain) menerusi Majlis Angkatan Tentera boleh memberi award sementara kepada orang-orang tanggungannya sehingga proses pencen atau ganjaran dapat ditetapkan dan dibayar sepenuhnya.

UNIVERSITI ISLAM ANTARA-BANGSA—PENUBUHAN

11. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil dan

persediaan-persediaan yang dibuat bagi penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di negara kita.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, semenjak pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang cadangan penubuhan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia beberapa langkah telah diambil, di antaranya ialah satu jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan bagi menyediakan persiapan-persiapan awal bagi melaksanakan projek tersebut. Di samping itu beberapa jawatankuasa petugas untuk membuatkan persiapan-persiapan yang tertentu juga telah dibentuk. Satu kertas projek (project proposal) telah disiapkan yang mengandungi di antara lain tujuan, falsafah, konsep serta program-program akademik dan perkara-perkara yang perlu bagi melaksanakan penubuhan universiti tersebut. Di samping itu cadangan terhadap penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini telah juga diberitahu kepada negara-negara Islam menerusi pemimpin-pemimpin kita—Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pembesar-pembesar lain dan juga pengumuman telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam di Nigeria baru-baru ini.

Pengumuman ini telah mendapat sambutan yang baik dan sokongan daripada negara-negara Islam di bawah Pertubuhan Negara-negara Islam. Tapak cadangan telah pun dipilih iaitu di satu kawasan di negeri Pahang di Bukit Pelatong dan Bukit Ulu Kelang di sempadan Pahang dan Selangor. Sementara menunggu persiapan kampus kekal, kampus sementara juga telah ditentukan.

Satu rombongan yang diketuai oleh saya sendiri akan melawat ke negara-negara Islam bagi memberi penerangan dan penjelasan mengenai cadangan penubuhan Universiti ini dengan tujuan untuk mendapat sokongan dan perkhidmatan mereka.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Dapatkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan setakat ini adakah mana-mana negeri yang telah menawarkan tenaga pengajar ataupun menawarkan biaya untuk membiayai Universiti Islam ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, sememangnya ada satu dua negara yang telah memberi pengakuan yang mereka akan bersama-sama menaja Universiti ini dan lawatan saya ke negara-negara Islam pada esok malam akan membuat penjelasan yang lebih lanjut dengan tujuan supaya kita mendapat sokongan daripada mereka.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, setakat ini terdapat daripada peruntukan yang diberi pada tahun 1983 bahawa sebanyak \$15 juta diuntukkan kepada Universiti Islam tetapi adakah negara-negara lain setakat ini telah pun memberi bantuan kepada kita bagi penubuhan Universiti Islam antarabangsa ini, dan apakah di dalam program akademiknya itu akan memasukkan bahawa Bahasa Malaysia sebagai diwajibkan kepada penuntut-penuntut mengambilnya sebagai satu syarat untuk menghormati negara ini kerana Universiti ini berada di dalam negara kita?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita hanya mendapat bantuan moral. Jadi mengenai cadangan mengadakan Bahasa Malaysia sebagai diwajibkan dalam Universiti ini, bolehlah kita timbangkan.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dijangka berapa ramaikah pengambilan pertama mahasiswa untuk masuk ke Universiti Islam ini dan berapakah Fakulti yang akan diwujudkan?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, mengikut rancangan kita pada tahun pertama kita akan mengambil kurang lebih 180 para pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar antarabangsa. Memanglah begitu hasrat kita kerana ini merupakan satu universiti antarabangsa dan antarabangsanya itu akan direflectkan dalam para pelajar dan juga kakitangannya.

Mengenai Fakulti, kalau tidak salah ingatan saya tadi, buat pertamanya kita mengadakan kursus dalam bidang Undang-undang dan juga dalam bidang Ekonomi dan Business Administration dan Sains.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Fakulti-fakulti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berbeza daripada Fakulti-fakulti dalam Universiti biasa, kalau Yang Berhormat boleh memberi penjelasan secara ringkas kepada Dewan yang mulia ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Universiti ini merupakan satu universiti yang berpandukan kepada falsafah dan konsep Islam, ianya ada berbeza sedikit daripada academic structure dan lain-lain lagi tetapi pada keseluruhannya tidaklah begitu banyak perbezaannya tetapi memang ada kaitannya, satu kursus, satu subject dengan subject yang lain.

Tuan Fung Ket Wing: I would like to ask the Minister to explain whether once the Islamic Universiti is

established in Malaysia would non-Muslims be admitted to the University to receive their higher learning?

Tuan Yang Dipertua: Minta ulangkan ayat yang akhir itu!

Tuan Fung Ket Wing: I would like to know from the Minister once when the International University is established in Malaysia whether non-Muslims students will be admitted to receive their higher education.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, Universiti ini terbuka kepada sesiapa juga sama ada Muslim atau non-Muslim.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pembiayaan modal dan tenaga pengajar dari negara-negara Islam seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanya setakat penubuhan Universiti Islam itu sahaja ataupun pembiayaan modal daripada negara-negara Islam ini akan diteruskan setelah Universiti Islam itu ditubuhkan?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, mengenai pembiayaan modal ini, Universiti ini daripada segi kewangannya mempunyai konsep Fund iaitu ada General Fund, ada Revenue Fund dan ada Endowment Fund dan ini adalah berterusan; begitu juga tentang tenaga pengajarannya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang Universiti Islam. Adakah Universiti Islam ataupun Universiti Orang Islam kerana ini ada dua makna. Kalau Universiti Islam mesti matapelajarannya dan susunannya mengikut secara Islam—itu maknanya Universiti Islam lain maknanya kalau Univerisiti Orang Islam. Itu yang saya hendak minta

pihak Menteri memberi keterangan yang lengkap sama ada Universiti Islamkah atau Universiti Orang Islam?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, soalan ini memerlukan satu jawapan yang agak panjang. Kalau saya boleh diizinkan supaya memberi penjelasan yang lebih lanjut, saya rasa perlu bagi saya menerangkan sedikit tentang konsep Universiti ini, principle dan falsafah Universiti ini.

Tuan Yang Dipertua: Jawapan panjang sangat! *(Ketawa)*.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bolehkah saya beri dengan secara bertulis sahaja?

Tuan Yang Dipertua: Boleh, silakan. *(Ketawa)*.

SIJIL KERAKYATAN

12. Dato Lee Kim Sal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa proses memperluaskan sijil kerakyatan mengambil masa yang panjang jika ya, adakah ia disebabkan oleh ketidak cekapan pegawai-pegawai atau sengaja dilengah-lengah dan apa langkah akan diambil untuk mempercepatkan lagi proses kelulusan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, soalan yang seakan-akan serupa dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 20hb Oktober, 1982 yang lalu. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.....

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu telah dijawab pada 20hb Oktober yang lalu dan telah pun diselesaikan *(Ketawa)*.

HOSPITAL DAERAH KLUANG

13. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk membesarkan hospital Kluang dan membaiki lagi kemudahan-kemudahan yang ada bagi kebajikan penduduk-penduduk di daerah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng): Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk membesarkan dan membaiki lagi Hospital Daerah Kluang.

Selaras dengan rancangan ini, sebuah Wad Bersalin baru yang mempunyai 31 katil sedang dibina. Sementara itu, satu blok wad 4 Tingkat yang mengandungi 136 katil telah diluluskan untuk hospital ini dalam Rancangan Malaysia Keempat. Projek-projek lain yang diluluskan termasuk Stor Perubatan Dobi baru dan rumah-rumah kuarters untuk kakitangan.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah khidmat-khidmat kepakaran yang dapat diadakan oleh Kementerian Kesihatan bagi sesebuah Hospital Daerah misalnya Hospital Daerah Kluang ini?

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang Dipertua, setakat ini tiada pakar-pakar di hospital Daerah Kelang.

ANAK-ANAK DILAHIRKAN DI SINGAPURA

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersetuju

bahawa anak-anak yang dilahirkan oleh ibu-bapa yang mempunyai Sijil Kewarganegaraan Malaysia yang tinggal di Singapura sebelum negara itu mencapai kemerdekaan adalah warganegara Malaysia secara automatik.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memandangkan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah merupakan soalan yang bertujuan untuk mendapatkan buah fikiran atau penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawapan dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja, maka saya memohon izin untuk merujuk kepada 23 (1) (h) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

PEMILIK TEKSI

15. Tuan Ng Cheng Kwei minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemilik-pemilik teksi merasa gelisah tentang penguatkuasaan syarat kenderaan yang berusia 7 tahun ke atas tidak dibenarkan digunakan sebagai teksi; jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa ada peraturan menghadkan umur teksi kepada 7 tahun. Sebenarnya, teksi dan kereta sewa tidak dihadkan umurnya. Walau bagaimanapun, semua teksi yang terdapat di Negara ini terpaksa menjalani pemeriksaan tiap-tiap 6 bulan sekali oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Teksi-teksi yang selamat digunakan di jalan raya dan berkeadaan baik saja akan dilesenkan.

BANDUAN-BANDUAN DI PENJARA—LAYANAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keadaan layanan ke atas banduan-banduan di penjara di negara ini seperti di Penjara Pudu di mana makanan dicatu masalah tempat mandi yang sangat kurang dan tempat tidur yang dikerumuni pijat-pijat, adakah langkah-langkah positif untuk memperbetulkan keadaan tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, layanan-layanan yang diberi kepada banduan-banduan di penjara-penjara adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Ordinan Penjara dan ianya adalah sejajar dengan kehendak-kehendak Standard Minimum Rule yang diakui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sukalah juga saya memaklumkan bahawa Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah Seksyen 67 (1) Ordinan Penjara yang merupakan satu badan bebas yang bertanggungjawab mengawasi masalah-masalah banduan-banduan dan juga keadaan dalam penjara sentiasa melawat penjara-penjara dan membuat perakuan-perakuan atau nasihat di atas apa-apa kekurangan yang terdapat di dalam penjara. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga Pelawat ini untuk memperbaiki kelemahan kekurangan yang ada.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Jawapan ini nampaknya Yang Berhormat dari Kepong mengetahui benar tentang keadaan dalam penjara di negara kita. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada rekod, ada dalam pengetahuan, sama ada orang yang bertanya soalan asal ini pernah ditempatkan di dalam mana-mana penjara di negara kita.....

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soal itu. Itu soal salah sangka kepada Ahli yang lain.

Tuan Abdul Raman bin Sulaiman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana keadaan layanan kepada banduan-banduan di penjara dalam negara kita sangat baik, adakah Kementerian sedar ada beberapa orang yang tertentu yang sengaja kadang-kadang membuat kesalahan kerana hendak masuk penjara (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tidak bersangkut (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana ada komplek-komplek (complaints) mengenai keadaan dalam penjara, bolehkah Menteri berkenaan membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini untuk melawat penjara-penjara dan melihat dengan sendiri keadaan yang sebenarnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kita ada mempunyai Lembaga Pelawat yang kita wujudkan di bawah Peraturan 67 Ordinan Penjara 1952 yang mana ahli-ahli ini terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat, Justice of Peace, Datuk-datuk, Pegawai Daerah dan Majistret. Orang-orang ini akan membuat lawatan kepada penjara-penjara berkenaan sebulan sekali. Kebiasaannya dua orang melawat penjara yang berkenaan; iaitu penjara-penjara yang mana Wakil-wakil Rakyat dan ahli-ahli lain itu berada di situ. Jadi, saya rasa tidak timbulah soalan Yang Berhormat bangkitkan tadi. Kalau Yang Berhormat ingin melawat, maka saya rasa bolehlah melawat; syaratnya melawat kawasan Yang Berhormat itu sendiri (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Glaw: Adakah itu termasuk Kem Tahanan Kamunting dan Batu Gajah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Pertama).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, B.13, dan B.14 (Jadual)—

Maksud P.7, P.8 dan P.9 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

3.37 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Harzah): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$11,370,517,420 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanjawan Mengurus 1983 di bawah maksud Bekalan B.1 hingga B.64 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$11,669,988,913 yang

diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan 1983 di bawah Maksud Pembangunan P. 1 hingga P. 9, P. 15 hingga P. 17, P. 29 hingga P. 32, P. 34 hingga P. 38, P. 41 hingga P. 43, P. 45 hingga P. 65 bagi Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21, 1982 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana saya telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawan saya pada 22hb Oktober, 1982 yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini adalah juga diberi dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20/1982.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Maskud B.1 sehingga B.14 dan Kepala P.7 sehingga P.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

3.39 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak menyentuh B.1—Parlimen dan B.7 Jabatan Perdana Menteri Kod 1100—Gaji dan Upahan.

Tuan Pengerusi, seruan Kerajaan 2M untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap dan competent tidak akan berjaya, kecuali Parlimen serta Menteri-menteri dan

Timbalan-timbalan Menteri menunjukkan contoh tauladan kecekapan dan competent.

Saya memandang berat bahawa Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri kian menjadi slipshod dalam kerja mereka dengan menunjukkan bahawa mereka tidak memahami, malah kadangkala tidak tahu langsung akan tanggungjawab mereka, dan apabila mereka berbuat demikian dalam Parlimen, bukan sahaja mereka membuat "disservice" kepada jawatan Menteri mereka tetapi juga menghormati Parlimen.

Satu contoh ketara yang berlaku pada 1hb November tahun ini di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan secara sangat "sneaky" bercuba untuk mendapatkan empat Usul diluluskan iaitu Usul-usul berkenaan dengan kenaikan cukai jualan, cukai perkhidmatan dan duti eksais sedangkan Parlimen masih belum lagi menamatkan perbahasan ke atas Belanjawan tahun 1983 ataupun meluluskannya. Apabila saya menyoalkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai perkara ini serta memberitahu bahawa ke semua keempat-empat usul tersebut adalah tidak wajar dan "irregular" dan merupakan satu penghinaan yang dilakukan oleh pihak Eksekutif ke atas Parlimen, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan tidak dapat memberi apa-apa jawapan dalam Parlimen. Namun demikian, beliau telah menggunakan majoriti keseluruhan ahli-ahli Barisan Nasional yang terdapat di parlimen untuk lulus keempat-empat usul tersebut, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak Barisan Nasional nampaknya tidak memerlukan apa-apa penjelasan dan akan mengambil tangan atau menyuarakan sokongan mereka

terhadap apa-apa juga yang diminta oleh barisan depan Kerajaan (Government Front-benchers).

Selepas keempat-empat usul tersebut diluluskan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah meninggalkan Dewan dan agaknya selepas diberi taklimat oleh pegawai-pegawai Perbendaharaan, memanggil satu sidang akhbar untuk menjelaskan kenapa usul untuk mengesahkan kenaikan cukai jualan dari 5% kepada 10% harus disahkan dalam tempoh 10 hari selepas Perintah tersebut dibentangkan dalam Parlimen, kalau tidak Perintah tersebut akan lucut dengan sendirinya. Adalah amat mengejutkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan tidak tahu ini dan juga tidak dapat menjelaskannya dalam Dewan yang mulia ini dan terpaksa menjelaskannya di luar Dewan ini selepas diberi taklimat oleh pegawai-pegawai Treasury. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh nafi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Point apa itu?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sungguhpun bila saya meminta jalan untuk memberi penjelasan mereka selalu tidak mahu beri jalan, saya akan terus beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia beri jalan untuk penjelasan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, sebenarnya hari itu saya telah menjawab iaitu pembentangan usul-usul itu adalah mengikut peraturan-peraturan yang ada; mengikut peraturan Sales Tax Act, Kerajaan terpaksa sahkan perintah itu

di dalam masa 10 hari. Oleh kerana hari itu Yang Berhormat daripada Kota Melaka bising sangat dan oleh kerana sikapnya saya tidak inginlah pada hari itu memberi penjelasan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terima Kasih. Tetapi kalau tidak tahu mengakuilah tidak tahu dan tidak boleh memberi satu penjelasan dalam Dewan yang mulia ini. Dan sungguhpun demikian penjelasan ini bahawa cukai jualan mesti disahkan dalam 10 hari dan kalau tidak perintah tidak akan dilucutkan, tidak melibatkan tiga usul yang lain kerana kenaikan cukai perkhidmatan atau duti eksais tidak akan lucut sekiranya dia tidak disahkan dalam tempoh 10 hari mulai tarikh dia dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Apakah sebabnya Dewan yang mulia ini diberi layanan yang "cavalier" seumpama itu mesti dihina dengan meluluskan cadangan-cadangan hasil ketika Dewan yang mulia ini masih membahasnya.

Saya difahamkan pegawai-pegawai Perbendaharaan sendiri tidak tahu bahawa kenaikan cukai jualan harus disahkan dalam tempoh 10 hari sebaik sahaja perintah tersebut dibentangkan dalam Parlimen dan hanya mengetahuinya di saat-saat terakhir secara "inadvertently" apabila seorang pegawai Perbendaharaan mendapati kenaikan tersebut harus diluluskan oleh Parlimen dalam tempoh 10 hari ia dibentangkan. Ini menunjukkan betapa competent dan cekap Kerajaan 2M.

Walaupun demikian tidak ada apa-apa justifikasi untuk meluluskan kenaikan cukai jualan dalam pertengahan perbahasan Parlimen ke atas Belanjawan tahun 1983 dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan akan meneliti perkara ini untuk memastikan usul-usul yang terlalu "irregular" seumpama itu untuk diluluskan cadangan-cadangan hasil apabila

cadangan-cadangan tersebut masih dipertimbangkan dalam perbahasan Belanjawan tidak akan diulangi lagi di tahun akan datang.

Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri harus menunjukkan bahawa mereka menguasai portfolio dan tugas-tugas mereka kerana kalau tidak mereka tidak akan dapat memenuhi motto Kerajaan, "bersih, cekap dan amanah" yang dijadikan cogan kata pimpinan 2M.

Tuan Pengerusi, satu contoh lagi berlaku dalam masa soal jawab tadi bila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menggunakan Peraturan Mesyuarat 23 (g) atas satu *sub-judice* untuk menolak jawapan kepada satu soalan yang dikemukakan sungguhpun soalan itu ada bahagian yang kedua mengenai "military ragging in general" dan tidak ada seorang Menteri ada hak untuk datang ke Dewan ini untuk menolak jawapan, mereka ada tanggungjawab untuk jawab kepada setiap soalan sungguhpun di bawah Peraturan 23 (4) ada satu peruntukan di mana dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin:

"23 (4) Notwithstanding anything hereinbefore, a Minister to whom a question is addressed may, with the approval of Tuan Yang Dipertua, refuse to answer such question on the ground of public interest, and such refusal cannot be debated or questioned."

Itu bererti bahawa Tuan Yang Dipertua mesti berpuas hati keengganannya menjawab itu ialah atas "public interest" dan memberi izin. Itu tidak berlaku. Itu bermakna sesiapa boleh berdiri dan tolak jawapan atas public interest. Kalau begitu lebih baik Parlimen yang mulia

ini ditutup. Tanggungjawab setiap Menteri datang ke sini untuk jawab, kalau tidak, cuai dalam tanggungjawab.

Tuan Pengerusi, Menteri-menteri juga adalah amat tidak competent dengan tidak menyediakan dengan cekap dan cepat jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Dalam sidang ini Ahli-ahli Parlimen telah diberi jawapan bertulis kepada soalan-soalan Parlimen yang dikemukakan dalam mesyuarat Parlimen bulan April dan Jun tahun 1981. Apakah yang telah terjadi kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam mesyuarat bulan Oktober/Disember 1981 dan dalam mesyuarat bulan Mac, 1982? Soalan-soalan Parlimen sama ada soalan tersebut adalah soalan mulut ataupun bertulis harus dijawab dalam mesyuarat-mesyuarat di mana yang ia dikemukakan dan bukan dua atau tiga tahun kemudiannya di mana Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan mungkin tidak ada lagi dan apabila kita baca soalan-soalan mesyuarat Parlimen tahun 1981 Ahli-ahli Parlimen itu tidak ada lagi dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sekiranya Menteri-menteri tidak dapat memberi jawapan kepada soalan-soalan dalam mesyuarat Parlimen yang sama di mana soalan tersebut dikemukakan maka Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan tidak berhak bercakap tentang kecekapan dan competence. Menjawab kepada soalan pun tidak boleh dalam mesyuarat yang sama.

Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan satu arahan dengan serta-merta kepada semua Menteri dan Timbalan Menteri supaya mereka "buck-up" menunjukkan contoh tauladan akan kecekapan dan competence dan

menghendaki semua Menteri-menteri menyediakan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan dalam mesyuarat Parlimen yang sama dan bukan dua atau tiga tahun kemudian.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya minta jalan untuk beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Bila-bila boleh beri jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan soal kecekapan pihak Kerajaan menjawab soalan daripada Ahli-ahli Pembangkang dan Ahli-ahli Dewan. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar bahawa Pembangkang sendiri yang diketuai oleh Ahli itu telah menunjukkan keadaan yang lebih tidak cekap oleh kerana biasanya apabila Menteri-menteri menjawab, tidak ada seorangpun dalam Dewan ini seperti yang berlaku petang kelmarin (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Apakah soalnya? Selalu berlaku apabila soalan daripada pihak Barisan Nasional dipanggil, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli daripada Barisan Nasional tidak ada sungguhpun mempunyai majoriti terbesar. Apa gunanya ada majoriti terbesar semacam ini?

Tuan Pengerusi: Saya ingatkan Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Dengan masalah soalan, saya ingin lagi memberi satu contoh. Mengikut peraturan apabila setiap hari soalan untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut, kalau tidak sampai pada masanya, patutlah Menteri yang berkenaan sampaikan soalan itu kepada Parlimen untuk dicap dan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi saya tahu bahawa sungguhpun ada jawapan yang telah

disediakan pada hari itu, sungguhpun soalan itu tidak ditanya tetapi pihak Parlimen ada masa lagi menunggu satu tahun, 18 bulan untuk mendapatkan soalan yang sudah disediakan hari itu. Apakah kecekapan ini? Saya haraplah bahawa perkara semacam ini boleh dibetulkan. Untuk setiap hari di mana soalan-soalan mulut yang tidak dijawab dalam masa satu jam bahawa jawapan-jawapan; courtesy-sake boleh menyampaikan kepada Ahli-ahli yang bertanya supaya kita boleh dapat jawapan-jawapan dan perjalanan Parlimen boleh berjalan dengan licin.

Tuan Pengerusi, Parlimen juga harus lebih cekap dan competent. Saya pernah berucap dahulu betapa incompetennya Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang daripada menjadi pengawas (watchdog) yang cekap untuk mengkomplemenkan kerja yang dijalankan oleh Ketua Odit Negara untuk mengawasi perbelanjaan Kewangan kini telah menjadi satu 'drag' disebabkan kelambatan dan penundaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen yang lain adalah serupa juga. Dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, saya telah melaporkan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) masa itu Dato' Lee Boon Peng, kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana melanggar 'confidentiality' breach of privilege perjalanan-perjalanan PAC sebelum PAC mengemukakan laporannya ke Dewan yang mulia ini. Saya telah diberi jaminan oleh bekas Yang Dipertua, Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail, bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan menghadapi secara tegas segala kes yang melibatkan pelanggaran hak dan kebebasan tanpa mengira taraf tetapi tidak ada apa-apa yang kedengaran mengenai perkara ini sehingga Parlimen dibubarkan.

Setahu saya, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak pernah bermesyuarat untuk membincangkan kes pelanggaran hak dan kebebasan yang dilakukan oleh; masa itu Dato' Lee Boon Peng itu dalam masa enam hingga lapan bulan selepas saya mengadu secara rasmi sehingga Parlimen dibubarkan.

Tuan Pengerusi, Parlimen Malaysia harus bergerak setanding dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Parlimen-parlimen Komanwel di mana reformasi-reformasi Parlimen senantiasa dilakukan untuk mewujudkan satu proses Parlimen yang lebih bermakna. Parlimen tidaklah seharusnya menjadi rubber stamp semata-mata untuk pihak Eksekutif untuk memberi 'legitimacy' kepada apa yang sudah pun diputuskan tetapi Parlimen harus menyertai secara aktif dalam setiap fasa perumusan atau formulasi dasar.

Inilah sebabnya mengapa Parlimen-parlimen Komanwel telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pakar Parlimen (Specialist Parliamentary Committees) untuk menyelia berbagai-bagai jabatan dan Kementerian Kerajaan yang akan menyebabkan Ahli-ahli Parlimen lebih berkepengetahuan dan khusus dalam bidang-bidang tertentu dasar kebangsaan tetapi juga akan menyebabkan Ahli-ahli Parlimen terdedah kepada berbagai-bagai fasa formulasi dasar di negara ini.

Saya ingin menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberi pertimbangan serius terhadap soal mengadakan reformasi-reformasi Parlimen di Malaysia serta juga bersetuju supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa parlimen semua parti untuk mengkaji segala aspek reformasi-reformasi Parlimen yang mungkin boleh diadakan di Malaysia untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebuah badan yang lebih berkesan dan

cekap. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga hendaklah bersifat inovatif supaya bersetuju ditubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa berbagai-bagai Kementerian (Specialist Select Committees).

Saya sekarang hendak menyebut mengenai B. 7—Jabatan Perdana Menteri, Badan Pencegah Rasuah, tetapi dalam buku ini masih bernama Biro Siasatan Negara. Nampaknya lagi satu ketinggalan dalam kecekapan Kerajaan 2M. Biro Siasatan Negara sekarang tidak ada lagi, Tuan Pengerusi, hanya Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ketika menjawab ucapan saya mengenai Belanjawan telah berkata bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mendakwa mereka yang didapati melakukan rasuah tanpa mengira sama ada mereka itu adalah penyokong-penyokong kuat parti atau 'ikan bilis'. Sebagai contoh, beliau berkata sejak merdeka, tidak kurang dari 3 orang Menteri Besar dan seorang Menteri Pusat yang terlibat dalam rasuah telah disingkirkan.

Kenyataan tersebut tidak meyakinkan rakyat Malaysia yang ingin melihat sebuah Kerajaan yang benar-benar tidak berkompromi dalam usaha membenteraskan rasuah yang berlaku di tempat-tempat politik atasan. Apakah hanya tiga orang Menteri Besar sahaja yang berasuah dari tahun 1957 hingga 1967? Atau apakah mereka ini hanya merupakan peratus kecil sahaja dari mereka yang harus didakwa kerana terlibat dengan rasuah?

Apakah dari 1976 hingga 1982 tidak ada mana-mana Menteri Besar atau Ketua Menteri yang sepatutnya didakwa kiranya Kerajaan benar-benar jujur untuk membenteras rasuah

di kalangan mereka yang memegang jawatan politik tinggi. Dan selepas Kerajaan 2M memegang kuasa, adakah mana-mana ketua Kerajaan Negeri baik pun Menteri Besar atau Ketua Menteri didakwa kerana terlibat dengan rasuah?

Saya mencabar Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya memuatkan soalan-soalan ini dalam bentuk 'questionnaire' untuk dijawab oleh rakyat Malaysia dan beliau harus menyedari lebih dari orang-orang lain apakah jenis jawapan yang bakal dikemukakan sekiranya orang-orang yang menjawab 'questionnaire' itu tidak perlu mendedahkan identitinya. Tuan Pengerusi, sejak beberapa bulan ini, saya telah diberitahu sejenis rasuah yang baharu dan serius telah wujud di bawah pemerintahan Kerajaan 2M, iaitu pemohon-pemohon yang berjaya mendapatkan projek-projek bernilai berjuta-juta ringgit baik pun ianya adalah suatu skim perumahan raksaksa atau kontrak turn-key yang besar yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit dikehendaki menyumbang secara substantial kepada UMNO khususnya kepada Tabung bangunan UMNO dan sumbangan ini adalah dalam ertikata berjuta-juta ringgit.

Sekiranya ini benar, ini merupakan perasuahan UMNO dan rasuah ini tidaklah berbeza dari perasuahan individu. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat membuat satu kenyataan awam yang terus terang tentang perkara ini untuk menerangkan keadaan yang sebenar.

Saya hendak bawa Kod 1100—Kabinet. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada tepat dan wajar bagi Datuk Mokhtar Hashim terus menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa beliau dibicarakan atas tuduhan membunuh bekas Speaker

Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, Datuk Mohamed Taha Talib.

Saya tidak berhajat membincang perbicaraan membunuh itu ataupun prejudge perbicaraan itu. Ini terpulanglah kepada mahkamah untuk membuat keputusan. Tetapi jelaslah prinsip ministerial responsibility atau collective ministerial responsibility, prinsip bertanggungjawab seorang Menteri memerlukan supaya Dato' Mokhtar Hashim tidak seharusnya terus memegang jawatannya sebagai Menteri sehingga beliau dibebaskan dari tuduhan membunuh. Kiranya beliau didapati tidak bersalah, bolehlah beliau diberikan balik jawatan Menteri yang dipegangnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya mahu sentuh mengenai B. 7 Jabatan Perdana Menteri, Program (5) Pentadbiran Agama Islam. Rakyat Malaysia pandang berat amat sangat ke atas Islamisation yang kian bertumbuh di negara ini dan kita harus menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidaklah sepatutnya melupai hakikat dan jaminan Perlembagaan yang Malaysia adalah sebuah negara sekular dan bukan sebuah negara theokratik Islam.

Sementara Islam adalah agama rasmi, semua agama lain adalah terjamin. Kebebasannya di bawah Perlembagaan dan janganlah sekali-kali percubaan dibuat oleh mana-mana pihak untuk detract dari kebebasan beragama yang termaktub dalam Perlembagaan menerusi tindakan-tindakan administrative.

Dalam pada ini, cadangan untuk memperkenalkan kursus tamadun Islam di semua universiti tempatan secara wajib kepada semua pelajar di semua fakulti adalah bertentangan dengan semangat, tujuan dan kata-kata Perlembagaan yang membayangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang budaya dan agama.

Kursus tamadun Islam yang dicadangkan itu dalam semua universiti tempatan hendaklah menjadi satu matapelajaran opsyenal dan bukan wajib. Sekiranya ia dijadikan wajib, maka kursus tersebut hendaklah diperbesarkan untuk dijadikan tamadun Asia supaya orang-orang bukan Islam akan mempunyai kesefahaman yang lebih baik mengenai tamadun Islam serta mengurangkan kebimbangan (apprehension) orang-orang bukan Islam terhadap Islam, juga ia akan membolehkan orang-orang Islam mempunyai kesefahaman yang lebih baik mengenai tamadun Cina dan India supaya orang-orang Islam akan dapat mengurangkan apprehension mereka terhadap ugama-ugama lain di negara ini seperti Hinduism, Buddhism dan Christianity.

Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan ugama dan Kerajaan khususnya hendaklah bersensitif terhadap perasaan rakyat sekiranya perpaduan negara tidak dilemahkan. Tanpa perpaduan negara, segala kemajuan dan pembangunan di Malaysia akan bersia-sia sahaja.

Sekarang saya mahu menyentuh mengenai Program (7) Lembaga Perpaduan Negara. Inilah sebabnya mengapa Malaysia memerlukan dengan segera sebuah institusi yang mempunyai sebagai tugas utamanya untuk menggalakkan perpaduan berbagai-bagai kaum dan ugama di negara ini. Institusi seumpama itu tidak sepatutnya menjadi political creature Kerajaan yang memerintah tetapi hendaklah bebas sepenuhnya tanpa dikehendaki mematuhi atau menjadi subservient kepada dasar-dasar Kerajaan atau kemahuan-kemahuan para Menteri. Institusi tersebut hendaklah dibiarkan menjalankan penyelidikan, siasatan, pengkajian serta membuat perakuan dalam berbagai-bagai bidang hidup negara tentang bagaimana perpaduan negara

dapat digalakkan ataupun kenal pasti dasar-dasar yang melemahkan perpaduan negara serta memperakukan supaya dasar-dasar seumpama itu dihentikan.

Kerajaan mempunyai sebuah Lembaga Perpaduan Negara tetapi sepanjang ini, Lembaga tersebut tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya untuk menggalakkan perpaduan negara di negara ini. Sehingga ini, Lembaga tersebut lebih dikenali kerana mengeluarkan kalender-kalender dan pelekat-pelekat kereta (car-stickers) daripada membuat apa-apa sumbangan terhadap perpaduan negara. Malahan, sehingga sekarang Lembaga Perpaduan Negara dilayan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai tempat perlindungan politik untuk political dropouts seperti mendiang Tun Sambanthan selepas beliau digulingkan sebagai Presiden MIC ataupun sebagai sebuah sekolah reformasi politik untuk menghadapi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang agak sedikit recalcitrant seperti Pengerusi baru Lembaga Perpaduan Negara yang diumumkan beberapa hari dahulu, Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

Soal yang tersemat dalam pemikiran setiap orang ialah sama ada Pengerusi baru untuk Lembaga Perpaduan Negara merupakan orang yang layak dan sesuai untuk dijadikan Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara sekiranya Lembaga tersebut hendak diamanahkan dengan tugas menggalakkan perpaduan negara dan bukan dengan terus mengeluarkan kalender-kalender dan pelekat-pelekat kereta (car-stickers)....

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Tuan Pengerusi: Ya, dia minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' Lee Kim Sai: Memang satu syor yang bagus daripada Ahli Kota Melaka, tetapi apa yang dikatakannya itu kerana Ahli Kota Melaka itu kurang faham fungsi dan kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga ini. Lembaga Perpaduan Negara memang banyak menjalankan penyelidikan tentang perkara-perkara yang sensitif, perkara-perkara yang akan mengakibatkan terjeasnya perpaduan termasuk hasutan daripada parti DAP khususnya ucapan-ucapan daripada Ahli Kota Melaka (*Tepuk*). Dari penyelidikan itu tidak wajar ataupun tidak baik kalau penyelidikan itu tidak diberi—maksud saya, Tuan Pengerusi, penyelidikan itu tidak seharusnya ataupun tidak sepatutnya diumumkan, kerana banyak penyelidikan yang telah dijalankan itu harus diberi perhatian kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan, maka kerja yang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara itu bukan hanya memberi kalender atau car-stickers sahaja, tetapi itu sebagai imej Perpaduan Negara. Harap Ahli dari Kota Melaka itu boleh menghargai imej Perpaduan Negara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan dalam ucapan saya, Tuan Pengerusi.

Dan tadi saya ada kata bahawa orang ramai ada bertanya sama ada Pengerusi yang baru ialah seorang yang layak, yang sesuai untuk jawatan itu oleh kerana beliau notorious kerana sifat-sifatnya yang memecahbelahkan, beliau yang bertanggungjawab khususnya menghalau Dato' Michael Chen daripada MCA dan di antara lain beliau ialah orang memecahbelahkan GERAKAN, disunité dengan GERAKAN.

Disebabkan beliau merasa keciwa kerana tidak dijadikan seorang Menteri atau Timbalan Menteri, beliau tahu perlantikannya sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara.....

Tuan Pengerusi: Saya fikir Yang Berhormat tidak boleh membuat ucapan tuduhan yang salah sangka.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah satu kenyataan, oleh kerana itu dia tahu perlantikan sebagai Lembaga Perpaduan Negara seolah-olah menempatkan beliau dalam political parole ataupun dalam sebuah sekolah reformasi politik dan kini terpulangnya kepada beliau untuk menunjukkan bahawa beliau itu tidaklah begitu recalcitrant. Perlantikan beliau itu akan memastikan bahawa beliau akan mematuhi secara bulat-bulat atau kepada dasar-dasar pembinaan negara Barisan Nasional sungguhpun dasar-dasar tersebut sedang menyebabkan perpaduan negara.

Tidaklah menghairankan bahawa selepas perlantikannya sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara, salah satu dari perbuatan pertamanya ialah untuk berucap di Parlimen dengan menyerang DAP kerana DAP telah menentang dan mengkritik dasar satu bahasa, satu budaya Barisan Nasional.

Kiranya kita mengharapkan Lembaga Perpaduan Negara menunjukkan arahan-arahan ke arah mewujudkan perpaduan negara, saya rasa Pengerusi baru adalah orang yang terakhir sekali untuk dipertimbangkan untuk jawatan tersebut. Sekiranya beliau harus ditempatkan dalam sebuah sekolah reformasi politik, maka Lembaga Perpaduan Negara ialah tempat yang pertama untuk menempatkan beliau.

Lembaga Perpaduan Negara harus mengalih dari aktiviti-aktiviti tokennya yang dilakukan dalam masa-masa lampau dengan mencetak kalender dan car-stickers dan menghadapi isu-isu semasa yang penting yang mempunyai kaitan langsung dengan perpaduan negara.

Saya mencadangkan bahawa Lembaga Perpaduan Negara patut dalam masa 12 bulan akan datang menghadapi isu-isu yang berikut dan mengkaji serta membuat perakuan-perakuan dari standpoint atas mana perakuan-perakuan tersebut mempunyai pengesanan ke atas perkara yang penting seperti perpaduan negara.

- (1) Lembaga Perpaduan Negara haruslah menjalankan satu pengkajian menyeluruh tentang mana dasar satu bahasa, satu budaya seperti diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional semasa pembukaan rasmi Parlimen akan menyebabkan perpecahan negara dalam sebuah negara yang asas viable mestilah berbilang bangsa, bahasa, agama dan budaya.
- (2) Lembaga Perpaduan Negara harus mengkaji bagaimana pengenalan matapelajaran tamaddun Islam di universiti-universiti tempatan tanpa menghiraukan sensitiviti orang-orang bukan Islam akan membantut perpaduan negara.
- (3) Lembaga Perpaduan Negara hendaklah menimbang bagaimana sekatan secara tersusun ke atas ekspresi kebudayaan bebas seperti sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas tarian singa yang tertakluk kepada peraturan-peraturan polis boleh membantutkan perpaduan negara.
- (4) Lembaga Perpaduan Negara hendaklah menimbang bagaimana usaha-usaha yang dijalankan oleh berbagai Majlis Perbandaran seperti Majlis Perbandaran Melaka yang memperkenalkan Undang-undang kecil baru mengenai pengiklanan dan papan-papan

tanda yang menghendaki saiz Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya tiga kali lebih besar dari bahasa Cina atau bahasa-bahasa lain ataupun Undang-undang kecil baru Majlis Perbandaran Kota Star yang menghendaki saiz karekter (character) Cina di papan-papan tanda satu suku dari saiz Bahasa Malaysia yang semua ini boleh menyebabkan perpecahan di negara ini. Kiranya inilah hasil breakthrough yang diperolehi oleh MCA dalam pilihanraya umum yang lalu, maka dalam breakthrough MCA yang akan datang karekter-karekter Cina akan menjadi begitu kecil sehingga ia menjadi sukar untuk dibaca yakni illegible.

- (5) Lembaga Perpaduan Negara haruslah menimbang bagaimana Perisytiharan Kepayang yang diterima oleh penduduk-penduduk Kepayang dalam pilihanraya kecil Kepayang pada Oktober 16 lalu dapat menyumbang ke arah perpaduan negara serta mencadangkan secara formal Kerajaan supaya ia menerima Perisytiharan Kepayang tersebut.
- (6) Lembaga Perpaduan Negara harus juga menimbang bagaimana sikap acuh tak acuh Kerajaan terhadap masalah pendatang-pendatang haram Indonesia akan melemahkan perpaduan negara. Semasa pilihanraya Kecil Kepayang Pengerusi yang baru telah mementaskan satu "publicity stunt" di mana balu seorang rakyat kita yang suaminya dibunuh oleh pendatang-pendatang haram Indonesia telah disuruh oleh MCA supaya memotong jarinya di luar Ibu Pejabat MCA di Kuala Lumpur

untuk menulis tuduhnya dengan darah. Apakah tuduhan balu tersebut yang dibuat dengan darah telah menyebabkan Kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap masalah pendatang-pendatang haram Indonesia? Orang yang sepatutnya memotong jarinya dan menulis tuduhnya dengan darah ialah Presiden MCA yang berada dalam Kabinet. Namun demikian, disebabkan Yang Berhormat dari Ulu Selangor ini telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara, apakah beliau secara formal akan menerima tuduhan berdarah balu berkenaan dan menjalankan satu kajian menyeluruh untuk memastikan sejauh manakah pendatang-pendatang haram Indonesia melemahkan perpaduan negara.

- (7) Lembaga Perpaduan Negara juga hendaklah menjalankan satu kajian untuk menentukan bagaimana kegagalan Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru mengikut jaminan bahawa tiada golongan tertentu yang akan mengalami kerugian atau merasa dinafikan sesuatu telah menyebabkan perpaduan negara semenjak 12 tahun ini.
- (8) Lembaga Perpaduan Negara juga hendaklah mengkaji bagaimana Pelan Induk Kuala Lumpur yang baru diumumkan telah melemahkan perpaduan negara kerana orang-orang Cina dan India memandang berat kerana Pelan Induk Kuala Lumpur itu akan memperlahankan pembangunan di kawasan-kawasan bukan Melayu seperti Jinjang,

Kepong, Cheras, Jalan Kelang Lama dan Sungai Besi, Chan Sow Lin dan dengan tidak adanya galakan untuk pembangunan, kawasan-kawasan ini besar kemungkinan akan menjadi kawasan-kawasan yang termiskin dan termundur sekali dalam Kuala Lumpur akan datang. Satu lagi bidang yang harus dikaji ialah sama ada Pelan Induk Kuala Lumpur yang bertujuan mewujudkan bandar-bandar baru Melayu sejajar melambat-lambatkan mewujudkan sebuah negara Malaysia yang disusun semula di mana tidak ada indentifikasi kaum dengan kerja atau lokasi dan sama ada ini menggalak atau membantut perpaduan negara.

- (9) Lembaga Perpaduan Negara hendaklah mengkaji sama ada universiti-universiti kita menjadi alat mewujudkan perpaduan negara atau menjadi seed-beds polarisasi kaum kerana adalah maha penting pemimpin-pemimpin masa depan kita lebih bersatupadu daripada dipecah-belah. Dalam pada ini adalah baik sekiranya Lembaga Perpaduan Negara dapat menggunakan sebagai panduan dalam kajiannya itu kenyataan yang dikeluarkan oleh ALIRAN yang dianggotai oleh ramai akademis universiti pada 18hb Ogos 1982 yang berjudul 'Ethnic Polarisation in the Universities', dan saya mohon izin untuk memetik darinya bahagian-bahagian yang relevant untuk menjadi satu guide-lines untuk Lembaga tersebut. (*Dengan izin*) Aliran is concerned about increasing ethnic polarisation within student communities in institutions of higher learning in the country.

“The composition of tutorial groups, voting in student elections, participation in student societies, seating patterns in lecture-halls and university canteens, attendance at university functions, student responses to public issues and other aspects of social intercourse in the campuses are manifestations of this trend.

“Ethnic polarisation is due to a number of factors. First, ethnic policies in higher education related to quotas and scholarships. Second, the feeling among students that ethnicity will determine future employment prospects and mobility patterns. Third, a strong attachment to narrowly-defined communal rights and interests among a significant number of Malays and non-Malays.

“Fourth, a bigoted interpretation of Islam among some Muslim students which is beginning to produce counter-reactions among non-Muslim Students. Fifth, the active manipulation of ethnic fears and hopes by certain academics and administrators for their own selfish interests. Finally, the constant emphasis upon ethnicity in the larger Malaysian society which has also influenced student thinking.

“If students are not weaned away from communal thinking immediately, there is a danger that they will become even more chauvinistic than the present elites, once they assume important positions in public and private sectors. As ethnic consciousness backed by ethnic policies and ethnic institutions becomes more and more

entrenched, it will be even more difficult to break down ethnic barriers in future”.

- (10) Lembaga Perpaduan Negara juga hendaklah mengkaji bagaimana politik peras ugut (politics of blackmail) yang dipraktikkan secara ketara oleh Ketua Menteri Sabah dan Parti Berjaya serta penyalahgunaan kuasa seperti pengharaman yang tidak boleh dipertahankan dikenakan ke atas Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya untuk memasuki negeri Sabah untuk menjalankan kegiatan-kegiatan politik yang sah melemahkan perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, Lembaga Perpaduan Negara mestilah berupaya dan bersedia untuk mengkaji isu-isu penting ini dari segi perpaduan negara dan membuat perakuan-perakuan kepada Kerajaan serta juga mengumumkan hasil kajiannya itu. Sekiranya Lembaga Perpaduan Negara hanya dapat mengeluarkan kalender-kalender dan car stickers dan tidak berani menghadapi isu-isu pokok mengenai perpaduan negara maka adalah lebih baik, lebih elok Lembaga Perpaduan Negara dibubarkan sama sekali.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan Lembaga Perpaduan Negara telah memperakukan bahawa dalam masa akan datang tempat-tempat ibadat (places of worship) orang-orang bukan Islam tidak boleh dibina kecuali terdapat sekurang-kurangnya 4,000 orang yang menandatangani permohonan untuk membina tempat ibadat tersebut seperti kuil, gereja dan chapel di sesuatu lokaliti yang tertentu.

Saya terkejut bahawa Lembaga Perpaduan Negara telah mengesyorkan perakuan seumpama itu

yang hanya akan menghasilkan perpecahan yang lebih. Saya tidak tahu setakat tahap manakah perakuan ini diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi saya menyeru Kerajaan menggugurkan (abandon) cadangan ini yang bertujuan menyekat pembinaan tempat-tempat ibadat orang-orang bukan Islam kerana perbuatan sedemikian akan melanggar jaminan Perlembagaan terhadap kebebasan agama. Ini adalah kerana syarat bahawa hendaklah terdapat sekurang-kurangnya 4,000 orang yang menandatangani sesuatu petisyen sebelum sesuatu tempat ibadat untuk orang-orang bukan Islam boleh dibina hampir-hampir menjadikan mustahil untuk pembinaan tempat-tempat ibadat tersebut di kebanyakan lokaliti.

Dalam pada itu, saya ingin bangkitkan insiden yang kian bertambah yang menyebabkan perpecahan keluarga, ketegangan komuniti serta meningkat polarisasi kaum akibat penyebaran agama Islam kepada orang-orang bukan Islam yang tidak cukup umur meskipun terdapat bantahan kuat dari ibu-bapa.

Setiap rakyat Malaysia dari setiap agama harus menyedari akan sensitiviti-sensitiviti yang terdapat dalam sebuah masyarakat yang berbilang agama dan dalam pada ini, saya menyeru Kerajaan membentangkan satu pindaan kepada Perlembagaan untuk melarang penyebaran propagation agama Islam kepada orang-orang bukan Islam yang tidak cukup umur yang umurnya kurang dari 18 tahun kecuali kebenaran khusus diberi oleh ibu-bapa berkenaan.

Perkara 11 Perlembagaan Malaysia mengenai kebebasan agama hampir-hampir melarang propagation mana-mana doktrin atau kepercayaan di kalangan orang-orang yang menganuti agama Islam. Saya tidak menentang peruntukan ini, tetapi satu pindaan

kepada Perlembagaan untuk melarang penyebaran agama Islam kepada orang-orang bukan Islam yang tidak cukup umur, kecuali dengan kebenaran khusus ibu-bapa adalah perlu demi memelihara perpaduan negara di negara ini.

Saya percaya bukanlah menjadi tujuan mana-mana agama untuk menyebabkan perpecahan keluarga, dan ketegangan komuniti. Sekiranya seorang bukan Islam yang sudah pun sampai "age of majority" dan ingin memeluk agama Islam, itu adalah hak dia. Tetapi apabila orang-orang yang belum cukup umur terlibat, maka kita harus mengelak dari berlakunya perpecahan keluarga di mana ibubapa-ibubapa membantah dengan keras. Kerana perpecahan keluarga sedemikian akan juga mencipta "racial and religious overtones" itu tidaklah sihat bagi sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebut PERNAS. Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri ketika menjawab soalan saya telah berkata bahawa PERNAS selepas membeli Hotel Jayapuri tidak mampu membayar gaji kakitangan hotel tersebut semasa tempoh Hotel tersebut diubahsuai kepada P.J. Hilton.

Saya tidak minta PERNAS membayar kakitangan hotel tersebut gaji penuh semasa hotel tersebut diubahsuai. PERNAS sebenarnya adalah majikan yang buruk kerana ia telah menamatkan perkhidmatan kakitangan Jayapuri dan apa yang sepatutnya dibuat oleh PERNAS ialah ia harus "lay off" pekerja-pekerja tersebut waktu hotel tersebut diubahsuai dan apabila P.J. Hilton dibuka semula, pekerja-pekerja boleh menyumbang kerja mereka tanpa sebarang gangguan dalam kontinuiti

perkhidmatan mereka atau, dengan izin, without break of continuity of service. Semasa tempoh "lay off" ini, pekerja-pekerja berkenaan hendaklah diberi "lay off" elaun untuk menampung perbelanjaan hidup para pekerja tersebut.

Apa yang pihak PERNAS kini membuat ialah menamatkan perkhidmatan para pekerja Hotel Jayapuri dengan memberikan mereka janji yang mereka bolehlah memohon semula untuk bekerja dengan P.J. Hilton kiranya perkhidmatan mereka masih diperlukan. Memang perkhidmatan mereka dikehendaki kerana tidak ada sebarang perubahan dalam perniagaan tersebut. Bekas pemilik hotel tersebut iaitu MCIS pun masih memegang 20% saham dalam hotel tersebut, saya tidak silap.

Adalah menjadi satu prinsip yang established dalam undang-undang perusahaan bahawa apabila terdapat cuma pemindahan dalam pemilikan di mana perniagaan yang sama masih diteruskan, pemilik baru akan mengambil alih tanggungjawab ke atas para pekerja tanpa apa-apa break of continuity of service! Sekiranya tidak, para pekerja tidak akan mempunyai sebarang "security of employment" kerana kapitalis-kapitalis yang tamak, yang buruk yakni unscrupulous akan mengambil-alih syarikat-syarikat awam dan kemudian menukar nama syarikat-syarikat tersebut walaupun perniagaannya adalah sama semata-mata untuk menyingkirkan pekerja-pekerja yang masih ada.

Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan rakyat kita "Pandang ke Timur", beliau patutlah tahu bahawa salah satu sebab yang mencipta etika kerja Jepun yang beliau mahukan rakyat Malaysia mencontohi ialah sistem pengajian hampir-hampir seumur hidup yang

diamalkan oleh syarikat-syarikat Jepun. Sekiranya syarikat-syarikat Jepun mempraktikkan apa yang pihak PERNAS bercadang membuat berkait dengan kakitangan Hotel Jayapuri, saya fikir Negara Jepun tidak akan dapat mencapai kejayaan ekonomi seperti dicapainya sekarang. Kerajaan atau agensi-agensi seperti PERNAS hendaklah menunjukkan contoh tauladan sebagai majikan contoh (modal employer) dan lebih-lebih penting lagi, sebagai contoh tauladan yang baik akan dasar memandang ke Timur. Maka dengan sebab itu saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya menarik balik surat-surat menamatkan perkhidmatan yang diberikan kepada kakitangan Hotel Jayapuri dan sebaliknya, "lay off" mereka dalam masa mengubahsuai hotel itu menjadi P.J. Hilton dan menyambungkan semula perkhidmatan mereka apabila Hotel P.J. Hilton dibuka semula tanpa apa-apa gangguan "break continuity of service". Terima kasih, Tuan Pengerusi.

4.25 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap di bawah Bekalan B.I peruntukan Parlimen di bawah Butiran 1200 Elaun dan Lain-lain Habuan Wang berjumlah 8.5 juta yang diminta untuk menjalankan pentadbiran Parlimen bagi tahun hadapan.

Saya bangun untuk membuat cadangan supaya dipotong gaji dan elaun Ketua Pembangkang kepada \$10.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kena beri notis.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu beri jalan? Berani beri jalan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kata tadi bahawa Menteri-menteri, Ahli-ahli dari Barisan Nasional tidak tahu, tidak fasih dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Saya tidak tentang, kalau dia mahu potong, boleh potong, tetapi mahu beri notis, iaitu tidak tahu, 2-3 term dalam Parlimen pun sia-sia sahaja. Tuan Pengerusi, itulah contohnya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya bercakap atas perkara elaun yang dibayar kepada Ketua Pembangkang dalam Dewan ini dan kalau saya tidak dibenarkan membawa Usul memotong gaji beliau, maka saya akan membawa satu Usul supaya dihapuskan jawatan Ketua Pembangkang ini.

Tuan Pengerusi: Itupun kena beri notis juga.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi,

Tuan Lim Kit Siang: Mahu beri jalan? Tidak berani sekarang.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau hendak kacau tidak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah menunjukkan tidak berani.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau hendak kacau tidak payah, saya kata.

Tuan Lim Kit Siang: . . . tidak beri jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka janganlah bercakap macam itu, apa-apa percakapan mintalah dialamatkan kepada Pengerusi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Masalah kita, Tuan Pengerusi, ialah kita terlampau banyak Ahli-ahli yang "biadap" dalam Dewan ini dan melepaskan kata-kata yang

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Pengerusi, The term "biadap" I think is unparliamentary.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, saya minta ruling. Kalau boleh guna, lain kali saya pun boleh gunakan.

Tuan Pengerusi: Perkataan "biadap" ialah unparliamentary, janganlah gunakan perkataan itu lagi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, kalau "unparliamentary" bolehkah minta ditarik balik?

Tuan Pengerusi: Saya minta tarik balik perkataan itu!

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, kalau Ahli dari Kota Melaka hendak bercakap, dia kena minta izin daripada saya atau

Tuan Pengerusi: Di atas tatatertib dia boleh bangun. On a point of order dia boleh bangun.

Tuan Alias bin Md. Ali: On a point of order—boleh.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tetapi saya tidak dengar dia sebut on a point of order tadi.

Tuan Pengerusi: Dia cakap on a point of order. Saya telah pun membuat ruling, perkataan "biadap" itu ialah unparliamentary. Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik perkataan "biadap" itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Saya minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak dibenarkan perkataan "biadap" maka saya menggunakan perkataan "kurang adap".

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tarik balik kalau itu arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya cuba mencari di dalam Standing Orders ini di mana ada provision untuk melantik seorang Ketua Pembangkang dalam Dewan ini. Saya tidak jumpa di bawah Fasal berapa perlantikan Ketua Pembangkang

Tuan Pengerusi: Bukan dalam Peraturan Mesyuarat, itu dalam satu Undang-undang (Akta).

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya juga tidak berjumpa kalau ada dalam Perlembagaan jawatan Ketua Pembangkang, tolong sebutkan di bawah Fasal berapa Perlembagaan.

Tuan Pengerusi: Members of Parliament (Remuneration) Act.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tidak perlu seorang Ketua Pembangkang dan kalau ada peraturan yang membolehkan kita melantik seorang Ketua Pembangkang, maka saya mengatakan kita telah menjalankan perlantikan itu dengan cara yang tidak demokratik. Pertama oleh kerana DAP di dalam Dewan ini hanya mempunyai 9 orang Ahli berbanding dengan jumlah Ahli-ahli daripada PAS dan Ahli-ahli daripada BEBAS semuanya berjumlah 13 orang, maka majority Pembangkang di dalam

Dewan ini bukan dikuasai oleh DAP, tetapi oleh gabungan daripada PAS dan BEBAS.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan Yang Berhormat! Adakah hendak beri jalan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tidak beri jalan lagi, sekali sahaja. Kalau itu procedure demokrasi yang sebenarnya, kalau tidak sanggup dengar sila keluar tidak apa, ini negara demokratik, negara demokrasi. Kalau ikut prosedur yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, perlantikan seorang Ketua Pembangkang mestilah terdiri daripada seorang ahli Pembangkang yang mempunyai ahli yang teramai dalam Dewan ini.

Saya mendapat faham bahawa perlantikan Ketua Pembangkang ini telah dibuat dengan tidak dirundingkan dengan ahli-ahli Bebas di dalam Dewan ini. Oleh yang demikian, maka kita perlu, kalau kita hendak mempunyai seorang Ketua Pembangkang oleh kerana kebetulan ada undang-undang dan peraturan yang membolehkan kita melantik seorang Ketua Pembangkang, maka kita perlu mengkaji semula cara-cara perlantikan itu dibuat supaya jawatan Ketua Pembangkang itu dihormati dan merupakan satu institusi yang dimuliakan.

Pada masa ini saya mendapat tahu bahawa Ketua Pembangkang yang ada sekarang ini tidak diiktiraf oleh ahli-ahli Bebas yang duduk di barisan Pembangkang. Ahli-ahli Bebas yang ada sekarang ini boleh mengja atau menindakkan apa yang saya cakap dan kalau itu betul, maka kita perlu menyemak semula prosedur atur cara perlantikan Ketua Pembangkang, sebab Ketua Pembangkang sebagai

sifatnya Ketua Pembangkang, beliau diberi kemudahan-kemudahan dan elaun-elaun tertentu. Oleh yang demikian, perlantikan Ketua Pembangkang itu mestilah dibuat kepada orang yang hak dan tidak dilantik kepada seorang yang tidak menguasai sokongan terbesar daripada ahli-ahli Pembangkang di dalam Dewan ini, satu daripada sebabnya.

Sebab-sebab lain, ialah bahawa sejak saya menjadi Ahli Parlimen dan melihat prestasi (performance) Ketua Pembangkang yang ada ini, saya tidak nampak apa-apa pun sumbangan yang berguna kepada Kerajaan dan kepada rakyat negara ini. Apa yang beliau paling cekap buat di dalam Dewan ini ialah bangun ketika koram tidak ada dan memberitahu Tuan Yang Dipertua, koram tak cukup dan loceng dibunyikan dan selepas koram cukup, beliau bangun meninggalkan Dewan ini. Itulah sahaja kerja yang nampaknya jelas daripada Ketua Pembangkang selain daripada mengkritik secara melulu apa juga yang dibuat oleh Kerajaan dan selain daripada sentiasa berada beribu-ribu batu di belakang Kerajaan.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, sebagai seorang Ketua Pembangkang bertugas dan berkewajipan berada beribu-ribu batu di hadapan Kerajaan, dia harus boleh memandang 10 tahun ke hadapan tetapi apabila negara kita dilanda oleh

Dr Tan Seng Glaw (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat!

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan ataupun

Dr Tan Seng Glaw: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu

membahaskan tentang Bekalan 7 ataupun tentang Ketua Pembangkang yang tidak ada perbekalan di sini dan tambah pula iaitu ahli-ahli yang kononnya Bebas hanya ikan pulang ke lubok berjaya sahaja.

Tuan Pengerusi: Keputusan itu bergantung kepada keputusan Yang Dipertua.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, inilah susahny kalau orang baru hendak belajar, cuba hendak tunjuk pandai dalam Dewan ini. Saya agak kita patutlah duduk, tengok dahulu orang bercakap, perhatikan dahulu sebelum hendak tegur orang.

Tuan Pengerusi, sebagai Ketua Pembangkang beliau dibayar gaji dan elaun serta diberi berbagai-bagai kemudahan termasuk beberapa orang kakitangan, tetapi apa yang berlaku ialah apabila kita menghadapi keadaan ekonomi yang meleset, Ketua Pembangkang dan rakan-rakannya bertubi-tubi menyerang Kerajaan mengatakan bahawa Kerajaan tidak cekap, tidak dapat menelah apa yang akan datang, tidak dapat menduga apa yang berlaku. Bagaimana peranan beliau sendiri sebagai Ketua Pembangkang?

Di negara lain, Tuan Pengerusi, Ketua Pembangkang akan bangkit dan memberitahu Kerajaan apa yang akan berlaku 10 tahun yang akan datang dan menasihatkan Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengelakkan keadaan-keadaan yang tidak sihat di dalam bidang ekonomi dan lain-lain, tetapi di sini kita melihat seorang Ketua Pembangkang yang bersikap passive yang hanya menunggu apabila keadaan sudah mulai buruk maka diambilnya kesempatan itu untuk melemparkan tuduhan-tuduhan kepada pihak Kerajaan bahawa Kerajaan tidak cekap di dalam mengendalikan urusan ekonomi

negara. Kalau hanya untuk menegur apa yang Kerajaan buat, kita tidak payah memberi gaji, kakitangan kemudahan lain kepada seorang Ketua Pembangkang untuk berbuat demikian. Kita boleh pergi ke sekolah-sekolah menengah dalam negara ini di mana juga budak-budak sekolah yang ambil SPM boleh menegur Kerajaan, boleh memberitahu Kerajaan—ini tak betul, sepatutnya ini buat begini, siapa sahaja boleh buat macam itu tetapi yang pentingnya ialah untuk duduk dan menilai, mengukur apa yang sedang berlaku dan menelaah apa yang akan berlaku dan inilah yang tidak dilakukan oleh Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi, beliau telah bercakap tentang soal cekap, bersih dan amanah. Setiap perkara kecil yang berlaku lalu disindirnya Kerajaan mengatakan: inilah awak bercakap amanah, cekap, bersih tetapi benda ini tak dibuat dengan cekap, bersih, amanah dan sebagainya. Setiap insiden yang berlaku dihubungkan dengan amanah, cekap dan bersih. Kalau Kerajaan hendak dituduh sebagai tidak cekap, tidak amanah dan tidak bersih maka saya mengatakan beliaulah orang yang pertama yang kita patut beri ingatan bahawa beliau sendiri tidak cekap, beliau sendiri tidak amanah sebagai Ketua Pembangkang. Beliau hanya berminat datang ke Dewan ini pada jam 2.30 menyoal Kerajaan dan tepat 3.30 hilang daripada Dewan ini. Apakah ini sifat-sifat seorang Ketua Pembangkang yang beramanah, yang memikul tanggungjawab sebagai watchdog kepada Kerajaan. Kalau beliau gagal melakukan tugas-tugas ini maka saya berkata, kita lebih baik tidak usah ada Ketua Pembangkang, lebih baik kita tidak membazirkan wang yang kita minta sekarang untuk membayar elannya.

Tuan Pengerusi, jelaslah bahawa kita mempunyai seorang Ketua Pembangkang yang tidak langsung mengambil berat di dalam apa juga

tugas. Beliau hanya berminat untuk melemparkan tuduhan, tidak berminat untuk mendengar jawapan daripada pihak Kerajaan. Beliau hanya berminat untuk memaki cela orang lain, tetapi apabila beliau sendiri menjadi sasaran kritik orang lain, beliau tak tahan dengar, dia keluar.

Tuan Pengerusi, sekarang dengan izin Tuan Pengerusi saya ingin beralih kepada muka surat 34, B.3 iaitu Jabatan Audit, Butiran 1100, Program (1) dan (2) yang meliputi (a) dan (b); jumlah peruntukan yang dipohon sebanyak \$15.7 juta.

Tuan Pengerusi, Jabatan Audit merupakan sebuah Jabatan yang menjadi sebagai "watchdog" atau pengawas wang awam. Sejak akhir-akhir ini kita mendengar ulasan-ulasan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara mengenai akaun-akaun Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun baik oleh badan Berkanun Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri yang tertakluk di bawah Akta Audit 1957 iaitu Akta No. 62 dan juga Akta No. 240 iaitu Akta Badan Berkanun yang diluluskan di dalam bulan Ogos, 1980 yang ternyata telah mendapat perhatian dan minat yang amat besar daripada orang ramai.

Pendapat-pendapat yang dilaporkan kepada Parlimen telah diberi perhatian oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) yang dilantik oleh Dewan ini yang ditugaskan membuat pemeriksaan lanjut terhadap cara-cara pengurusan wang awam oleh Badan-badan Berkanun. Sistem "check and balance" ini perlu dikekalkan dan diperkukuhkan supaya Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membelanjakan wang yang diperuntukkan kepada mereka mengikut prinsip-prinsip yang diakui dan selaras dengan kehendak-kehendak undang-undang yang

berkaitan supaya dapat ditingkatkan taraf accountability setiap sen yang Kerajaan beri kepada mereka untuk dibelanjakan.

Jabatan Audit Negara telah diberi peruntukan berjumlah \$20.99 juta bagi tahun hadapan, berbanding dengan \$21.56 juta pada tahun ini iaitu menunjukkan kekurangan sebanyak \$567,100. Walaupun potongan ini kecil dibandingkan dengan potongan yang dibuat ke atas lain-lain Jabatan dari segi peratus dan dari segi relatifnya, namun demikian ia sudah tentu sedikit sebanyak akan menyenit usaha-usaha bagi meningkatkan lagi mutu auditan dan kecekapan kerja Jabatan Audit Negara. Lebih-lebih lagi mengingatkan bahawa mulai tahun ini Jabatan ini telah mula mengambilalih urusan pengauditan bagi 10 Badan-badan Berkanun yang besar seperti universiti-universiti dan agensi-agensi yang berorientasikan sosial daripada firma-firma Juruaudit swasta. Ini seperti yang dilaporkan oleh buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, 1983 iaitu muka surat 564. Begitu juga dengan pemotongan ini maka sedikit sebanyak ia sudah tentu akan menjejaskan skop pengauditan bagi Jabatan tersebut daripada membuat kerja-kerja auditan kewangan seperti yang biasa dijalankan iaitu Financial Audit kepada kerja-kerja pengauditan pelaksanaan atau pengurusan (performance or management audit). Dengan pemotongan peruntukan berjumlah \$½ juta ini, pihak Jabatan Audit kenalah mengambil langkah-langkah yang wajar dan patut supaya ia tidak menjejaskan kerja-kerja yang sedang dilakukan sebaliknya mencari jalan bagaimana dapat ditingkatkan penggunaan tenaga kerja seramai 1,491 orang di dalam Jabatan itu sekarang secara maksima bagi mendatangkan hasil yang optima.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya sendiri merasa tidak senang sedikit melihat bahawa badan Kerajaan yang

amat penting ini menerima peruntukan yang bertambah kurang daripada tahun ini walaupun kita sedang menghadapi langkah jimat-cermat dan walaupun semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan menerima potongan peruntukan tetapi Jabatan Audit Negara ini sekarang sedang memikul beban mengaudit kira-kira 650 buah pertubuhan Kerajaan yang terdiri daripada 352 buah Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan; 65 buah Jabatan Kerajaan Pusat termasuk Kementerian-kementerian dan 236 buah Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Dengan beban kerja yang begini teruk maka sudah semestinyalah Jabatan ini diberi segala bantuan untuk melaksanakan kerja-kerja dengan lebih berkesan. Oleh itu saya berharap kalau pihak Perbendaharaan diminta meluluskan peruntukan tambahan bagi Jabatan ini di masa-masa yang akan datang, saya berharap perkara ini akan diberi pertimbangan yang saksama.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang masih belum dapat diselesaikan ialah kelambatan setengah-setengah Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun membentangkan Laporan Tahunannya kepada Parlimen. Perkara ini saya telah timbulkan beberapa kali dalam ucapan saya di Parlimen yang lepas. Dalam hal ini nampaknya ada suatu macam perbuatan salah menyalah di antara Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dengan pihak Jabatan Audit. Masing-masing mengatakan: "Saya tidak lambat, awak yang lambat", dan orang yang sebelah sana pun akan kata begitu juga, dan akhirnya Laporan-laporan Tahunan sampai kepada Parlimen ini terus-menerus lewat, 2 tahun, 3 tahun baru kita tengok laporannya.

Masalahnya Laporan-laporan Tahunan itu tidak dapat dibentangkan ke dalam Dewan ini tanpa sijil audit

daripada Ketua Audit Negara. Maka agensi-agensi yang berkenaan akan sering mengatakan bahawa sijil (certificate) audit itu yang belum diterima dan kerana itu tidak dapat dibentangkan dengan segera ke dalam Parlimen laporan yang berkenaan. Sementara pihak Jabatan Audit Negara tidak dapat menjawab tuduhan-tuduhan ini maka Jabatan-jabatan yang berkenaan akan terus mendapat suatu tempat yang convenience untuk meletakkan kesalahan itu kepada Juruaudit Negara. Mungkin ada kelambatan pihak Jabatan Audit Negara tetapi saya mendapat tahu bukan semuanya kelambatan itu berpunca dari Juruaudit Negara. Ada setengah-setengahnya berlaku kerana kelambatan pihak agensi-agensi yang berkenaan itu sendiri menyiapkan akaun-akaun yang diperlukan untuk diaudit sehingga kadang-kadang kedapatan akaun itu dua tiga kali diperiksa baru dapat disahkan.

Saya mendapat tahu bahawa pihak Jabatan Audit sekarang telah menempatkan pegawai-pegawainya di tiap-tiap agensi Kerajaan yang termasuk di dalam bidang kuasanya. Tetapi saya juga diberitahu bahawa pegawai-pegawai yang ditempatkan itu biasanya adalah pegawai-pegawai yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup dan tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk membuat sesuatu keputusan serta-merta dan bahawa setiap akaun yang diperiksanya itu terpaksa dihantar semula ke Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur untuk diperiksa dan disemak sekali lagi. Inilah keadaan-keadaan yang memakan masa.

Tuan Pengerusi, satu lagi sebab yang saya dapat tahu menyebabkan kelambatan satu-satu sijil audit dikeluarkan ialah oleh kerana tiadanya keseragaman di dalam aturcara perakaunan bagi badan-badan berkanun di bawah Kerajaan

Pusat dan Negeri dan juga Pihak berkuasa-Pihak berkuasa Tempatan. Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat saya diberitahu sudah pun mempunyai satu macam keseragaman di dalam aturcara perakaunan masing-masing oleh kerana kesemua badan-badan ini tertakluk di bawah arahan daripada Perbendaharaan.

Ketidakeragaman ini berlaku disebabkan oleh kerana Badan-badan Berkanun yang terdapat berselerakan itu mempunyai fungsi-fungsi yang berbeza yang menyebabkan aturcara perakaunan tidak dapat diseragamkan sepenuhnya. Sementara itu taraf perakaunan Pihak berkuasa-Pihak berkuasa Tempatan iaitu Kerajaan-kerajaan Tempatan seperti yang kita tahu tidak selalunya berada di dalam keadaan yang memuaskan. Hal-hal ini menyebabkan kerja pengauditan memakan masa dan kebanyakan masa untuk mengaudit habis untuk membetulkan akaun-akaun yang tidak selari dan pihak Juruaudit terpaksa dibebankan mencari segala macam dokumen-dokumen yang sepatutnya disimpan tetapi tidak disimpan dengan sempurna. Oleh yang demikian, kerja-kerja pengauditan berjalan dengan lambat dan kerana itu kiranya berlaku kepincangan dari segi pengurusan kewangan di dalam agensi-agensi berkenaan tidak dapat dilaporkan dengan segera kepada Dewan yang mulia ini dan kita tahu hanya sesudah empat tahun berlaku kejadian itu, sudah menjadi satu sejarah dan kita hendak bercakap tentang perkara yang berlaku empat tahun yang lalu pun sudah rasa tidak sedap oleh kerana itu sudah sepatutnya layak disimpan di dalam arkib tidak lagi dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, keadaan ini mestilah dibetulkan dan orang ramai mestilah diberi peluang untuk mengukur kecekapan sesuatu agensi itu pada ketika ia berjalan. Kalau

misalnya ketidakcekapan itu berlaku tahun lepas maka tahun ini sepatutnya kita sudah mendapat tahu melalui laporan atau komen daripada Juru-audit Negara supaya kita semua Ahli-ahli Dewan ternasuk Ahli Dewan Negeri dapat memberi sumbangan yang berkesan bagi membetulkan keadaan yang tidak betul. Oleh itu, bagi melicinkan kerja-kerja pengauditan dan mempercepatkan kerja-kerja pengauditan saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengadakan suatu standard yang minima di dalam aturcara akaun badan-badan Berkanun baik Pusat dan Negeri dan juga Pihak berkuasa Tempatan. Saya percaya dengan cara ini pihak Jabatan Audit tidak lagi mengambil masa yang panjang untuk mengaudit agensi-agensi tersebut dan dengan demikian laporan-laporan tahunan bersama dengan akaun-akaun mereka akan dapat dibentangkan dengan lebih cepat di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan adanya perseragaman di dalam aturcara akaun maka pihak Jabatan Audit tidaklah terpaksa menghabiskan waktu yang amat banyak dan amat berharga itu bagi membetulkan perkara-perkara kecil yang tidak substentif, tetapi sebaliknya dapat menumpukan perhatian mereka lebih banyak kepada kerja-kerja meneliti projek-projek yang dilaksanakan iaitu satu sistem yang kita panggil auditan secara mendalam sama juga maknanya dengan auditan pengurusan dan prestasi.

Tuan Pengerusi, dengan lulusnya Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, semua akaun-akaun Badan-badan Berkanun Persekutuan perlu dihantar kepada Jabatan Audit sebelum bulan Jun selepas tahun kira-kira berikut. Saya diberitahu dengan berkuatkuasanya Akta tersebut maka sudah ada perubahan dan pembaikan yang amat ketara di dalam penyediaan akaun-akaun Badan-badan Berkanun yang

berkenaan. Mereka sekarang digalakkan menyiapkan laporan masing-masing lebih cepat walaupun masih ada yang lambat.

Walau bagaimanapun, keadaan-keadaan ini oleh kerana diperlukan di bawah Akta yang saya sebutkan tadi iaitu Akta 240, maka sekarang terdapat suatu macam backlog di pihak Jabatan Audit Negara dan menurut laporan buku yang hijau ini iaitu Anggaran Program dan Prestasi 1983; dalam tahun 1981 daripada 311 akaun yang dihantar kepada Jabatan Audit hanya 65 yang telah dapat diselesaikan sementara yang lain-lain masih dalam peringkat sama ada dalam proses pengauditan atau belum diaudit. Begitu juga dalam tahun 1982 ini daripada 217 akaun yang diterima hanya 12 yang selesai diaudit.

Kalau kefahaman saya mengenai laporan ini benar, saya harap tidak benar, tetapi saya cuba hendak mencari tafsiran lain daripada apa yang ditulis ini, saya tidak dapat tafsiran selain daripada apa yang saya dapati. Kalau salah, tolong betulkan. Kalau fahaman saya itu betul, maka ini menunjukkan bahawa terdapat suatu backlog yang amat besar jumlahnya di Jabatan Audit sekarang dan kerana itu saya cadangkan supaya bantuan daripada firma-firma Juru-audit swasta diminta bagi menolong menyelesaikan akaun-akaun yang belum diaudit itu. Oleh kerana itu perlulah ditambah peruntukan di bawah Butiran 2900 iaitu bayaran sebanyak \$49,000 yang diminta bagi Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli. Ini perlu ditambah kalau kita hendak ambil syarikat-syarikat Juru-audit swasta untuk menolong bagi menyelesaikan backlog itu.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi saya telah menyentuh sistem pengauditan perlaksanaan dan pengurusan. Saya

berharap cara pengauditan seperti ini akan dapat diperluaskan meliputi semua Kementerian, Jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan dan juga Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.

Sebenarnya melalui cara pengauditan seperti ini kita akan dapat mengesan sama ada berlaku pembaziran di dalam satu-satu jabatan ataupun agensi dan sama ada wang yang dibelanjakan itu telah dibelanjakan secara yang mendatangkan natijah yang optima kepada jabatan yang berkenaan. Tidak dapat kita nafikan bahawa ada kejadian-kejadian pembaziran berlaku di masa-masa yang lepas. Keadaan ini berlaku bukan sahaja di dalam badan-badan berkanun tetapi juga dalam Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Kerajaan Pusat. Kita mestilah mengakui hakikat ini. Mungkin pada masa peruntukan diminta, pada masa peruntukan diluluskan, dan pada masa pembelian sesuatu barang itu dibuat sudah berlaku perubahan strategi, sudah berlaku peralihan program atau perubahan tekanan yang menyebabkan barang-barang yang dibeli itu tidak lagi berguna sepenuhnya ataupun tidak dapat dipergunakan sepenuhnya kerana sebab-sebab teknik. Dan akhirnya barang-barang itu menjadi dengan izin, "white elephant" dibiarkan berkarat dan rosak binasa. Dan begitu juga melalui kerja-kerja pengauditan seperti ini kita akan dapat mengesan sama ada apa yang kita beli itu dari segi jumlahnya itu digunakan dengan ekonomik atau tidak. Misalnya sebuah jentera yang sepatutnya digunakan 10 jam sehari hanya digunakan dua jam sehari atau satu jam sehari tetapi kerana kita hendakkan juga, kita beli, dengan tidak mengira berapa harganya. Ini perlu dielakkan dan sistem pengauditan secara mendalam

dapat mengesan pembaziran-pembaziran seperti yang saya sebutkan ini.

Perkara-perkara pembaziran hendaklah dihentikan serta-merta dan semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan hendaklah bertanggungjawab bahawa setiap sen yang dibelanjakan tidak dibelanjakan dengan tujuan membazir dan setiap alat perkakas yang dibeli hendaklah digunakan secara maksima untuk mendatangkan faedah yang optima.

Tuan Pengerusi pihak Jabatan Audit boleh memberi sumbangan yang besar dan boleh dibantu dan dilengkapkan untuk memainkan peranan yang amat penting dan amat besar bagi menegakkan dan menjayakan cita-cita murni Kerajaan untuk melahirkan satu Kerajaan dan pentadbiran yang cekap, yang bersih, yang amanah dan jabatan ini boleh bertugas bahu membahu bersama-sama dengan agensi-agensi lain dalam Kerajaan seperti Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya. Saya akan menyokong setiap sen yang diminta oleh Jabatan ini dalam Belanjawan sekarang dan saya akan menyokong setiap sen tambahan yang akan diminta oleh Jabatan ini sekiranya dibentangkan di dalam Parlimen ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.07 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan Maksud B. 4, muka surat 38, Butiran 1100, Aktiviti (2) Pendaftar Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara pendaftaran pemilih, saya suka merujuk kepada satu lawatan

yang dibuat oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya ke New Zealand pada tahun yang lalu untuk mengkaji dan mempelajari sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun yang dilakukan oleh Kerajaan New Zealand. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada laporan berdasarkan sistem yang digunakan di New Zealand ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan. Jika sudah dikemukakan, apakah hasil lawatan itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini sekali lagi bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan membuat penglibatan sepenuhnya dengan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun oleh kerana inilah sahaja cara yang dapat memastikan bahawa bilangan maksima pemilih-pemilih yang layak dapat didaftarkan. Dengan lebih ramai pemilih-pemilih didaftarkan maka akan lebih besar penyertaan rakyat dalam pengundian pilihanraya umum dan ini akan dapat membantu memperkuatkan sistem demokrasi berparlimen di negara kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak merujuk kepada perkara yang kedua, yang saya ingin membangkitkan iaitu apa yang terkandung di dalam muka surat 51, Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri, Butiran (Kod) 1100, Gaji dan Upahan, Program 1 (e) Biro Pengaduan Awam.

Tuan Pengerusi, mengenai Biro Pengaduan Awam, saya suka mengambil peluang ini untuk menegaskan betapa pentingnya Biro melayani pengaduan-pengaduan awam mengenai berbagai aduan tentang ketidakcekapan pentadbiran dan salah amalan berbagai jabatan Kerajaan. Peranan Biro Pengaduan Awam semakin penting berikutan cogankata Kerajaan untuk

mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Oleh kerana fungsi utama Biro ialah melayani pengaduan awam adalah penting bagi Biro memastikan ianya mudah dihubungi dan didampingi oleh rakyat. Dalam hubungan ini, saya gembira menyatakan di sini bahawa Biro Pengaduan Awam telah berpindah keluar dari Jabatan Perdana Menteri baharu-baharu ini dan bertempat di Bangunan Wahidah di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Dengan membuka sebuah pejabat baharu di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur, saya pasti bahawa Biro Pengaduan Awam akan lebih senang memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan dengan ini sudah tentu lebih banyak aduan dapat disalurkan ke Biro itu.

Adalah penting bagi Biro Pengaduan Awam menyediakan kakitangan yang cukup di pejabat Biro Pengaduan Awam di Jalan Chow Kit bagi menampung aduan-aduan yang diterima. Memandangkan permintaan untuk perkhidmatan daripada orang ramai semakin bertambah, saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa Biro ini akan dapat bergerak secara berkesan dalam menyelesaikan pengaduan awam. Keberkesanan Biro adalah penting kerana ia boleh memainkan peranan sebagai satu badan penyelesaian masalah dan bukan satu badan penyalur masalah sahaja.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini oleh kerana saya sebagai Wakil Rakyat sentiasa diberitahu oleh si pengaduan-pengadu di kalangan orang ramai, bahawa sungguhpun aduan-aduan mereka telah disampaikan kepada Biro dan sungguhpun Biro cuba mengatasi masalah-masalah mereka tetapi oleh kerana jabatan-jabatan tertentu yang tidak sanggup memberi

kerjasama maka masalah-masalah yang dirujukkan kepada Biro itu tidak dapat diatasi. Tuan Pengerusi, ini ialah satu perkara penting yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh kerana saya rasa tidak ada guna Biro hanya menerima dan menyalurkan pengaduan. Apa yang penting ianya juga (Biro) boleh menyelesaikan masalah rakyat terutamanya berhubung dengan perkara-perkara yang menyentuh ketidakcekapan pentadbiran. Saya menimbulkan hal ini oleh sebab saya tidak mahu melihat satu keadaan di mana Biro akan dijadikan satu peti surat (post box) dan bukan satu badan yang benar-benar dapat mengatasi masalah yang dirujukkan kepada Biro oleh rakyat oleh kerana ada jabatan-jabatan tertentu yang enggan memberi kerjasama kepada Biro itu untuk mengatasi masalah yang disampaikan oleh rakyat.

Akhirnya saya suka mencadangkan tentang bahagian ini, bahawa di samping mengambil langkah yang sesuai, yang sewajar untuk melengkapkan Biro dengan lebih kuasa bagi tujuan menentukan bahawa Biro dapat menghadapi masalah rakyat dengan cara berkesan, saya juga suka mencadangkan bahawa Biro hendaklah boleh menerima pengaduan daripada orang ramai dalam berbagai bahasa—Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Tamil dan Inggeris. Biro hendaklah menyediakan kemudahan terjemahan, jika diperlukan. Dengan membenarkan pengaduan dibuat menerusi berbagai bahasa maka Biro tidak sahaja akan menyediakan satu perkhidmatan yang berguna kepada orang ramai tetapi juga merupakan satu langkah positif untuk mendekatkan Biro kepada orang ramai supaya ianya boleh bertugas dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menarik perhatian kepada muka surat 52, Program (8) Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am.

Mengenai Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am di Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyentuh keadaan beratus-ratus ribu setinggan miskin yang mendiami di atas tanah persendirian pada masa ini di seluruh negara kita. Satu daripada tujuan utama Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi ini ialah menjalankan penyelidikan ke atas masalah-masalah sosio-ekonomi dalam negara ini dan mengesan serta menilai impact pelaksanaan ke atas golongan miskin setelah rancangan pembangunan dijalankan.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada unit ini kerana sumbangannya dalam membantu mengatasi berbagai masalah sosio-ekonomi dalam negara dan juga masalah kemiskinan yang berkaitan. Akan tetapi terdapat satu aspek kemiskinan bandar yang saya ingin menyentuh di sini. Ini ialah berhubung dengan setinggan-setinggan yang tinggal di atas tanah persendirian yang menjadi mangsa pembangunan. Ini ialah satu masalah biasa di dalam ibu negara kita dan juga lain-lain bandar di seluruh negara. Setinggan-setinggan yang tinggal di atas tanah yang dibeli oleh pemaju-pemaju biasanya mendapati diri mereka menjadi mangsa keadaan kerana menghadapi masalah tiada tempat tinggal baharu atau bayaran gantirugi yang tidak mencukupi. Setinggan-setinggan ini biasanya menderita kerana mempunyai keluarga yang besar dan menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat tinggal baharu. Apabila mereka meminta kepada Kerajaan untuk mendapatkan tempat perlindungan, mereka diberitahu bahawa mereka adalah setinggan yang tinggal di atas tanah persendirian dan oleh

sebab itu Kerajaan tidak boleh memberi bantuan kepada mereka. Akan tetapi kerana pembangunan maka mereka terpaksa; inilah satu perkara yang mustahak. Mereka diusir atas nama pembangunan dan oleh sebab ini mereka terpaksa mengosongkan tanah dan rumah setinggan yang diduduki itu.

Inilah masalah yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan. Demi pembangunan setinggan terpaksa diusir tetapi mereka tidak berupaya untuk mendapatkan satu penyelesaian yang adil dan saksama kepada masalah Perumahan Falim Sdn. Bhd. dan memberikan keadilan kepada golongan rakyat ini, golongan yang miskin dan berpendapatan rendah dan perlu diberi simpati dan bantuan oleh pihak berkuasa, saya mencadangkan bahawa Jabatan Perdana Menteri hendaklah meneliti penubuhan sebuah Suruhanjaya Timbangtara (Arbitration Commission) yang bertindak sebagai orang tengah di antara pemaju dan setinggan-setinggan yang berkenaan bagi memastikan bahawa perjanjian mengenai bayaran pampasan yang cukup atau menggantikan rumah baru hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum tindakan meroboh dijalankan.

Tuan Pengerusi, mengenai tanggungjawab sosio-ekonomi Kerajaan, saya berpandangan bahawa adalah menjadi tanggungjawab moral kepada Kerajaan menjaga kebajikan rakyat yang menjadi mangsa projek-projek pembangunan atas nama pembangunan yang diluluskan oleh pihak Kerajaan. Walaupun Kerajaan tidak bertanggungjawab secara langsung kepada pembangunan swasta, tetapi ia mempunyai satu tanggungjawab moral memastikan bahawa mereka yang terlibat diberikan tempat tinggal baru yang sempurna atau bayaran pampasan yang mencukupi. Semua mereka yang

memberi jalan kepada pembangunan (to give way for progress) terutamanya mereka yang miskin, maka mereka mestilah diberikan tempat tinggal yang sesuai atau bayaran pampasan yang mencukupi selaras dengan dasar keadilan sosio dan ini merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk memastikannya.

Satu contoh di sini, Tuan Pengerusi, mengenai pertikaian yang berlaku baru-baru ini antara Syarikat Perumahan Falim Sdn. Bhd. dan penduduk-penduduk Ladang Thean Teik di Pulau Pinang yang mana seorang suri rumahtangga telah mati tertembak, ialah satu contoh baik untuk menyokong maksud saya.

Di satu pihak, Tuan Pengerusi, pemaju hendak membangunkan 150 hektar tanah ladang itu menjadikan sebuah bandar moden tetapi di satu pihak yang lain pula pemaju telah gagal mencari penyelesaian yang memuaskan kepada lebih 400 keluarga yang bergantung hidup di atas tanah tersebut untuk bercucuk tanam bagi mendapatkan pendapatan yang telah didiami tempat itu sejak beberapa keturunan yang lalu. Ini ialah satu contoh yang saya ingin memberi untuk menyokong kenyataan saya bahawa atas nama pembangunan, saya rasa bahawa unit yang bertanggungjawab tentang penyelidikan sosio-ekonomi itu patutlah merangka satu jalan macam mana boleh mengatasi masalah ataupun kerumitan yang dialami oleh mangsa-mangsa akibat tiindakan untuk pembangunan

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin berucap sedikit tentang apa yang terkandung di bawah Maksud Pembangunan P. 7, muka surat 69, Butiran 4 (iii)—Projek-projek kecil.

Tuan Pengerusi, di bawah pembangunan masyarakat saya mendapati bahawa sejumlah \$5 juta akan diperuntukkan untuk Anggaran

Pembangunan untuk tahun 1983 bagi tujuan Projek-projek kecil. Memandangkan peruntukan di atas, saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memastikan bahawa ianya dilaksanakan dengan adil supaya kawasan-kawasan Pembangkang akan juga menerima faedah daripada Projek-projek kecil ini.

Pada masa yang lalu sehingga ini, peruntukan bagi Projek-projek kecil tidak diluluskan untuk kawasan-kawasan Pembangkang. Oleh itu, saya suka menggesa Kerajaan 2M supaya membuktikan bahawa Kerajaan sering bersikap adil kepada rakyat tidak kira sama ada mereka dari kawasan yang dimenangi oleh parti memerintah atau parti pembangkang dengan meluluskan projek-projek yang kecil dalam Kawasan Parlimen menurut keperluan sebenar mereka. Dalam memperuntukkan Projek-projek kecil, maka seharusnya tidak ada pertimbangan politik di dalamnya. Keperluan rakyat mestilah diberi perhatian utama terlebih dahulu. Ini disebabkan wang \$5 juta yang diperuntukkan itu bukan datang dari satu parti pemerintah tetapi daripada wang yang dibayar oleh pembayar cukai. Memandangkan ini, rakyat mempunyai hak untuk menuntut wang pembangunan itu.

Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 70 berkenaan dengan Peniaga-peniaga kecil. Berhubung dengan perkara peniaga-peniaga kecil yang mana sejumlah wang \$9 juta akan diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan di bawah Jabatan yang berkenaan. Saya suka menyokong peruntukan ini sebagai usaha untuk membantu peniaga-peniaga kecil dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur kepada mereka. Bagaimanapun, saya berharap bahawa peruntukan ini juga digunakan untuk menyediakan

kemudahan-kemudahan tambahan kepada pusat-pusat penaja yang ada sekarang dalam Kuala Lumpur yang mana Dewan Bandaraya tidak mampu menyediakannya kerana kekurangan wang. Memandangkan pertambahan peniaga-peniaga kecil terutamanya dalam Kuala Lumpur, saya berharap bahawa Kerajaan akan menimbang untuk menambahkan peruntukan apabila keadaan ekonomi negara kita bertambah baik supaya satu peruntukan yang lebih besar boleh digunakan untuk memberi faedah kepada penaja dan peniaga kecil.

Di samping menolong peniaga-peniaga kecil bumiputera, saya juga mencadangkan supaya bantuan yang serupa hendaklah diberikan kepada peniaga-peniaga bukan bumiputera jika sesuatu permohonan dibuat. Sebagai contoh jika Persatuan Penaja memohon bantuan di bawah peruntukan yang dicadangkan, saya berharap mereka juga diberikan pertimbangan dan pertolongan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak merujuk kepada muka surat 51, balik kepada Maksud B. 7. Program (3)—Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Berhubung dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya mendapati bahawa tujuan Unit ini ialah untuk mengawasi, mengesan pelaksanaan dan menganalisa projek-projek pembangunan supaya projek-projek itu dijalankan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Memandang kepada tujuan di atas, saya ingin menyeru Unit tersebut supaya mengambil kepastian bahawa dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan terutamanya projek-projek yang terdapat dalam kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, maka cara pelaksanaannya janganlah sampai menyimpan jauh dari Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru dan

Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat yang diisytiharkan sebagai matlamat utama untuk mencapai perpaduan negara dan memberikan jaminan mutlak bahawa dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini tidak ada seorang rakyat Malaysia akan mengalami apa-apa kehilangan atau kerugian atau dilucutkan hak keistimewaan pekerjaan atau peluang. Meskipun jaminan yang berulang kali diberi oleh Kerajaan mengenai Dasar Ekonomi Baru dan matlamat pelaksanaannya adalah didapati bahawa selepas 12 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah diisytiharkan sebagai satu alat untuk menyelesaikan masalah ketidakadilan atau ketidaksaksamaan yang lama bertunjang dalam sistem demokrasi kita telah juga mewujudkan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan baru dalam masyarakat berbagai kaum terutamanya di dalam pandangan kami ada mencatatkan proses pembinaan negara. Semua bentuk ketidakadilan dan ketidaksaksamaan baru yang saya sebutkan di sini telah wujud akibat dari cara Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Sebagai satu contoh kita ambil pelaksanaan berbagai projek pembangunan dan pembaruan bandar terutamanya dalam Bandaraya Kuala Lumpur oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang bertujuan menyediakan lebih banyak peluang-peluang perniagaan untuk peniaga-peniaga bumiputera. Tidak ada seorang pun yang membantah peruntukan peluang-peluang perniagaan untuk peniaga-peniaga bumiputera dalam Bandaraya tetapi apa yang ingin saya bangkitkan ialah di sini tentang cara UDA melaksanakan kerja untuk mencapai matlamatnya yang mana cara itu telah menimbulkan kebimbangan yang serius kepada golongan peniaga yang sedia wujud di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan bertentangan pula dengan dasar-dasar dirumuskan untuk memandu

pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, ialah terutamanya berhubung dengan kuasa-kuasa UDA melaksanakan pengambilan tanah secara wajib yang mana di atas tanah-tanah tersebut telah sedia wujud peniaga bagi tujuan projek-projek pembaruan bandar dan memperuntukkan peluang-peluang perniagaan untuk bumiputera. Melaksanakan projek pembaruan bandar dengan cara pengambilan tanah secara wajib yang mengakibatkan timbulnya rasa kehilangan dan diketepikan hak-hak masyarakat peniaga yang sedia wujud bukanlah demikian caranya Dasar Ekonomi Baru patut dilaksanakan. Oleh yang demikian saya meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk meninjau keadaan ini dan terus menyiasat kes-kes yang telah berlaku pada masa yang lalu tentang pengambilan tanah oleh UDA bagi tujuan untuk membaharukan bandar-bandar dan saya rasa bahawa mustahak supaya Jabatan Perdana Menteri dapat merumuskan satu strategi dan juga dapat bertindak untuk menentukan bahawa dalam melaksanakan projek-projek pembangunan maka setiap langkah hendaklah diambil untuk menentukan bahawa cara yang digunakan tidak menyimpang dari Dasar Ekonomi Baru.

Yang akhirnya, suka saya merujuk kepada butiran 11 di dalam muka surat 70 di bawah Kepala P. 7 berkenaan dengan Lembaga Perpaduan Negara. Lembaga Perpaduan Negara ditubuhkan untuk mencari jalan bagi menanam dan mewujudkan jalinan perasaan muhibbah dan perpaduan, kerjasama dan cintakan negara di kalangan berbagai kaum dan kelompok masyarakat dengan tujuan untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu.

Memandangkan betapa pentingnya matlamat tersebut adalah perlu Lembaga Perpaduan Negara

memainkan peranan dalam cara yang lebih berkesan supaya matlamat utama ini dapat dicapai. Supaya Lembaga Perpaduan Negara dapat berfungsi dengan lebih berkesan lagi adalah perlu bagi Kerajaan memastikan bahawa mereka yang dilantik bertugas dalam Lembaga adalah mereka yang berkebolehan dan layak untuk memberikan sumbangan berkesan untuk pencapaian perpaduan negara. Jika ini tidak dapat dilakukan maka tidak ada gunanya kita membazirkan wang perbelanjaan untuk Lembaga Perpaduan Negara.

Saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah memberikan perhatian dan pemikiran yang serius dan berhati-hati mengenai perlantikan ke dalam Lembaga ini. Lembaga mestilah membuat kajian dan penyelidikan yang mendalam mengenai faktor-faktor yang menghalang pertumbuhan perpaduan negara dan memberi maklum balas dan syor-syor kepada Kerajaan mengenai apakah yang harus dan mesti dibuat untuk menyelesaikan berbagai masalah yang menghalang perpaduan negara.

Sebagai contoh apa yang Lembaga perlu laksanakan ialah mengkaji dengan teliti dasar-dasar pembinaan negara kita, menilai dan mencari sebab kenapa dasar-dasar kerajaan yang ada sekarang ini tidak boleh mewujudkan sebuah negara yang benar-benar bersatu padu. Bidang kegiatan Lembaga mestilah diperluaskan, penerbitan dan pendedaran satu majalah yang bernama "Balai Muhibbah" rasa saya tidak cukup untuk menanam dan menjalankan perasaan muhibbah di kalangan rakyat. Apa yang diperlukan ialah satu kajian di atas dasar-dasar pembinaan negara menyeluruh. Jika di dapati mana-mana dasar yang tidak sesuai untuk perpaduan negara maka Kerajaan mestilah bersedia untuk

menukarkan dasar-dasar itu dan Lembaga mempunyai satu peranan yang penting perlu dimainkan dalam perkara ini. Perpaduan negara boleh dicapai dengan berjaya jika Kerajaan bersedia sepenuhnya untuk memenangi hati rakyat menerusi perumusan dan pelaksanaan dasar-dasar politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan yang bertujuan mewujudkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.37 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam peringkat jawatankuasa ini. Satu perkara yang hendak saya sentuh ialah berkenaan dengan Maksud B.7, muka surat 51, butiran 1100, program 5 berkenaan dengan Pentadbiran Agama Islam.

Tuan Pengerusi, saya tidak menafikan sejak negara kita merdeka berbagai usaha Kerajaan telah pun dilaksanakan bagi menjaga kesucian dan kepentingan agama Islam di Negara ini. Walaupun perkara berkenaan dengan agama ini adalah hak kuasa di peringkat negeri tetapi atas rasa tanggungjawab pihak Kerajaan Pusat telah menubuhkan Majlis Kebangsaan bagi hal Ehwal Agama Islam di peringkat pusat, dengan memberikan tugas kepada seorang Menteri dan beberapa orang seorang Timbalan Menteri untuk menjaga kepentingan dan mempertahankan syariat agama. Sudah banyak perkara yang dilaksanakan bagi tujuan tersebut tetapi saya nampak usaha-usaha untuk menentang atau mencegah ajaran-ajaran salah atau ajaran-ajaran sesat di dalam negara ini tidak

dijalankan dengan begitu bersungguh-sungguh. Saya rasa di dalam usaha hendak mencegah ajaran sesat ini tidaklah menjadi apa-apa halangan kepada mana-mana Kerajaan negeri, lebih-lebih lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja-raja di peringkat negeri selaku Ketua Agama tentulah Baginda semua akan berbesar hati jika usaha mencegah dan menentang ajaran sesat ini dijalankan.

Saya katakan usaha-usaha dalam mencegah ajaran sesat ini tidak begitu giat dijalankan, umpamanya, ajaran Ahmadiyah Qadiani yang mempunyai ramai pengikut-pengikutnya di negara ini. Walaupun kewujudan ajaran ini sudah dapat dikesan sejak tahun 1950, tetapi saya kesal sehingga hari ini tidak ada satu-satu langkah dan tindakan yang berkesan yang telah dibuat atau diambil oleh mana-mana pihak untuk membentasi ajaran yang terkutuk itu.

Tuan Pengerusi, ajaran ini amat nyata percanggahannya dengan ajaran Islam sejati kerana yang pertamanya menurut ajaran atau fahaman ini bahawa Mirza Ghulam Ahmad Qadiani ini termasuk salah seorang Nabi yang mesti diimani dan wajib dipercayai. Ianya adalah Imam Mahadi akhir zaman dan dialah juga Nabi Isa yang dijanjikan Allah akan lahir ke dunia ini. Padahal di dalam Islam Nabi Muhammad s.a.w. adalah penyudah dari segala Nabi dan tidak ada Nabi-nabi yang lain yang akan lahir setelah Baginda wafat. Inilah fahaman Islam mengikut pendapat Ahli Sunnah Wal-jamaah.

Yang kedua, Majlis Raja-raja Melayu telah mempersetujui pendapat Jawatankuasa Fatua Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam mengenai kumpulan Ahmadiyah Qadiani ini sebagai satu kumpulan atau puak yang terkeluar daripada

Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk perkebumian dalam tanah perkuburan Islam.

Yang ketiga, Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri, dalam lawatan beliau ke negeri Johor baru-baru ini telah menegaskan lagi tentang kedudukan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, berdasarkan pendedahan yang dibuat oleh seorang Kadi, Al-Fadzil Tuan Haji Hassan Basari, Kadi Gombak Timur, baru-baru ini bahawa salah seorang pengikut setia dan penyebar ajaran Ahmadiyah Qadiani itu ialah Fakih Wahab Mohamad Dali, berumur 62 tahun, tinggal di Kampung Nakhoda, Selayang, Batu Caves, Selangor dan pengikut ajaran ini ada seramai lebih kurang 300 orang di seluruh negara yang tinggal bertaburan di beberapa negeri seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan sebagainya. Mereka semuanya keturunan Melayu, di antara pengikut-pengikutnya itu terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan, guru-guru, pelajar-pelajar ahli-ahli perniagaan dan kerabat Diraja.

Tuan Pengerusi, mengikut dakwaan Fakih Wahab Mohamad Dali, salah seorang penyebar ajaran itu, bahawa Yang Dipertua ajaran itu ialah seorang pegawai kanan Kerajaan dan salah seorang daripada 7 orang anaknya yang kesemuanya pengikut ajaran itu telah dihantar belajar mendalam pengkajian Ahmadiyah Qadiani di Rabuah, Pakistan.

Tuan Pengerusi, memandangkan pergerakan ini dipimpin oleh golongan cerdik-pandai dan memandangkan pengikut-pengikutnya juga terdapat dari kalangan guru-guru, pelajar-pelajar dan ahli-ahli perniagaan serta kerabat Diraja, tambahan pula dengan program-program untuk

menghantar pendakwah-pendakwah mereka seperti anak kepada Fakih Wahab Mohamad Dali yang bernama Mohamad Nasir Wahab itu, saya sungguh-sungguh merasa bimbang bahawa kegiatan mereka ini akan menambahkan lagi jumlah bilangan umat Islam yang akan disesatkan oleh mereka itu dimasa hadapan. Dan jika ini menjadi kenyataan maka ianya merupakan satu pencabulan yang nyata terhadap kesucian agama Islam yang seharusnya mendapat tentangan daripada seluruh umat Islam di negara ini dan kutukan daripada Allah s.w.t. Kita berharap golongan ini akan bertaubat, jika sesat di hujung jalan, balikkah ke pangkal jalan.

Dalam hubungan ini izinkan saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada akhbar Utusan Melayu kerana telah membuat beberapa pendedahan mengenai ajaran-ajaran ini. Demi untuk mempertahankan kesucian agama Islam, saya dengan segala rendah diri dan tulus ikhlas menyeru kepada Kerajaan untuk mengenepikan setiap pengikut-pengikut ajaran ini diseluruh negara dan jika sudah dikenalpasti mereka mestilah diminta bertaubat, jika tidak, maka Kerajaan mestilah bertindak dengan tegas dan lebih berkesan, seumpama menangkap pemimpin-pemimpin mereka itu untuk memberi masa kepada mereka menyedari dan menginsafi kesilapan mereka yang mereka lakukan itu. Di samping mencegah mereka daripada terus menyebarkan ajaran-ajaran salah itu kepada pengikut-pengikutnya. Dan pengikut-pengikutnya hendaklah ditempatkan di suatu kawasan yang khas agar mereka dapat diberikan didikan agama yang sebenar supaya mereka dapat balik ke pangkuan Islam yang sejati. Mereka ini tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam, itulah fatwa yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam di negara kita.

Hari ini kita tidak tahu di manakah orang-orang ini dikebumikan kerana mereka telah duduk bertaburan di seluruh negara kita. Oleh itu, patutlah Pentadbiran Agama di Jabatan Perdana Menteri ini mengadakan hubungan dengan Jabatan-jabatan Agama di tiap-tiap negeri yang berkenaan supaya dapat mengesani di mana mereka ini berada di dalam negara kita. Mereka yang bekerja dengan Kerajaan sudah sepatutnya dilucutkan jawatannya kerana mereka telah mencabuk kesucian agama Islam.

Tuan Pengerusi, walaupun dengan tindakan-tindakan itu kita tidak dapat membentaras seluruh pengikut-pengikut ajaran itu, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat membendung daripada merebaknya ajaran itu kepada umat Islam di negara ini pada masa akan datang dan dapat mempertahankan keutuhan agama Islam di negara ini. Ini adalah merupakan satu jihad yang sangat dihargai oleh Islam. Oleh itu, saya berseru kepada pihak Kerajaan atau Menteri yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri mengenai agama supaya dapat mengaturkan program-program yang lebih berkesan selain daripada menjalankan kegiatan-kegiatan bagi mempertingkatkan usaha-usaha mempertahankan kesucian dan keagungan Islam, tetapi usaha mencegah, membentaras ajaran-ajaran salah ini hendaklah diseimbangkan dengan gerakan-gerakan yang lain. Mudah-mudahan Allah akan memberikan kita taufik dan hidayah bagi menghapuskan setakat yang boleh tentang ajaran-ajaran salah di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut.

5.50 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh

tentang B.1, Butiran 1100, iaitu Pentadbiran Am Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya pernah berkhidmat sebagai Pemberita Rasmi Parlimen bagi tempoh tahun 1968 hingga tahun 1974 di meja di situ yang berdepan dengan Tuan Pengerusi. Oleh kerana penglibatan dan fahaman saya tentang sedikit sebanyak sidang Parlimen, saya ingin mencadangkan supaya diperkenalkan sistem komputer untuk memperkemaskan lagi peranan pentadbiran dan khidmat Parlimen bagi ahli-ahlinya. Komputer ini boleh juga ditugaskan untuk meriwayatkan penyertaan setiap Wakil Rakyat dalam urusan Parlimen, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya. Kemunculan sistem ini akan membawa faedah yang agak banyak bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen bahkan Kementerian-kementerian Kerajaan yang sentiasa hendak mengumpul dan menyimpan bahan sidang Parlimen masing-masing.

Memandangkan bertambahnya urusan Parlimen yang meliputi segala aspek pentadbiran dan politik negara adalah semakin sukar bagi seorang Ahli Parlimen mengumpul atau menganalisa bahan-bahan penyelidikan Parlimen, apatah lagi masa dan tenaga beliau adalah terhad. Dengan wujudnya satu sistem komputer secara tidak langsung mutu perbahasan Parlimen dan pengurusannya pasti akan meningkat. Dalam lain perkataan, seorang Ahli Parlimen yang tidak perlu lagi membuang terlalu banyak masa untuk menggali bahan-bahan sejarah boleh memberi teguran dan buah fikiran yang lebih tepat dan bermakna. Akibatnya, urusan dan mutu perbahasan dari semasa ke semasa akan kian memuncak ke tahap yang baru; secara tidak langsung bakal perkembangan ini akan menjimatkan masa sidang Parlimen.

Dari sudut Jabatan-jabatan Kerajaan, buat masa ini mereka hendaklah menyedia dan mengendalikannya "Mini Perpustakaan Parlimen" masing-masing, jika tidak pegawai-pegawai atasan yang berkenaan adalah sering kali terdedah kepada keadaan kelam-kabut apabila Menteri mereka memerlukan bahan-bahan rujukan dalam masa yang singkat.

Tuan Pengerusi, saya sedar kemelesetan ekonomi mungkin akan dijadikan alasan untuk mengeneppikan cadangan ini, akan tetapi sebaik sahaja kedudukan ekonomi pulih, saya berharap Kerajaan akan mempertimbangkan syor ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang termaklum nombor telefon untuk pentadbiran Parlimen ini sudah pun ditukarkan dari nombor 27781 kepada 221955 dan 226013 mulai 19hb Oktober, 1982. Walaupun pertukaran nombor telefon adalah satu perkara yang kecil, saya mencadangkan supaya nombor telefon Parlimen dinomborkan, katalah 22222 atau 221111 atau 223333 atau yang sedemikian. Saya percaya dengan satu nombor yang bercorak angka-angka yang sama, kami semua Ahli Parlimen, termasuk Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tidaklah lagi bersusah payah mengingatkan nombor telefon Parlimen malahan Menteri-menteri yang tersesak di lalulintas bandar dan mungkin tidak sempat menunaikan urusan Parlimennya, boleh dengan senangnya memanggil dari karfonnya dan menghantar S.O.S. kepada rakan sejawatnya yang berada di Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih ke atas kesempatan ini untuk berucap di Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

5.56 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan 3 perkara yang sebenarnya merupakan pertanyaan kepada peruntukan-peruntukan yang tertentu yang terkandung dalam Maksud Bekalan bagi Jabatan Perdana Menteri.

Yang pertama ialah mengenai Maksud Bekalan 7 pada muka surat 68 di bawah Butiran (Kod) 1400, Bayaran Pindahan bagi Program (3) Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Sungguhpun peruntukan bagi tahun 1983 ini telah dikurangkan dari \$182 juta hingga hampir-hampir \$124 juta tetapi peruntukan bagi UPP ini masih merupakan sebahagian peruntukan yang amat besar, iaitu lebih kurang 50% daripada peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri. Maka saya ingin meminta Menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan sedikit kepada Dewan yang mulia ini apakah projek-projek ataupun aktiviti-aktiviti yang utama yang akan dijalankan di bawah UPP ini yang memerlukan peruntukan yang sebesar ini. Saya seterusnya, secara amnya ingin mencadangkan bahawa maklumat lanjut harus diberi kepada Ahli-ahli Dewan ini, terutamanya bagi peruntukan yang besar supaya kami dapat memahami apakah tujuan Bekalan itu.

Yang kedua ialah mengenai muka surat 72, Maksud Bekalan 8 bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 1100, Aktiviti (8) Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Kalau kita membandingkan peruntukan jawatan bagi INTAN dengan peruntukan jawatan bagi Jabatan-jabatan yang lain akan didapati bahawa jawatan bagi INTAN ini akan ditingkatkan, sebenarnya lebih kurang 50% pada hal bilangan jawatan bagi Jabatan-jabatan yang lain dikekalkan ataupun dikurangkan.

Maka ini mungkin ada berkaitan dengan tujuan Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan jentera Kerajaan selaras dengan cogan kata Kerajaan, iaitu untuk membentuk sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Tetapi selepas saya mengkaji dengan lebih mendalam saya merasa ragu-ragu sedikit, kerana kalau kita mengkaji peruntukan wang yang diberi, kalau kita bandingkan peruntukan tahun 1983 dengan 1982 maka didapati bahawa tambahan peruntukan bagi item ini ialah hanya \$354,000 sahaja untuk pertambahan jawatan seramai 270. Adakah ini bermaksud bahawa tambahan jawatan yang diberi ini hanya untuk jawatan-jawatan yang berperingkat rendah? Bolehkah Menteri yang berkenaan juga memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai jenis jawatan yang ditambahkan itu dan juga bagaimanakah jawatan-jawatan yang baru ini dapat meningkatkan kecekapan jentera Kerajaan.

Yang ketiga ialah mengenai Jabatan yang sama iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, muka surat 77, Butiran 4100 Bayaran Pindahan di mana disebut Latihan dan Kemajuan Kerjaya ini diberi peruntukan sebanyak \$358 juta iaitu yang merupakan 85% daripada jumlah peruntukan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Maka saya ingin meminta penjelasan juga mengenai jenis latihan yang utama yang akan diberi dan juga berapa orangkah pegawai yang dicadangkan akan menjalani latihan-latihan yang utama ini dan juga bagaimanakah pegawai-pegawai ini dipilih. Adakah pemilihan ini bergantung kepada kriteria-kriteria yang tertentu, misalnya kecekapan mereka yang sedia ada ataupun keperluan jawatan baru dan sebagainya.

Maka itulah sahaja apa yang saya ingin minta dari segi penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

6.02 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai nota-nota yang extensive tetapi walau bagaimanapun saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 7, Butiran 1100 Program (7) berkenaan dengan Perpaduan Negara.

Semenjak 2 minggu yang lepas Yang Berhormat dari Ulu Selangor dilantik menjadi sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara. Saya berharap beliau akan menjalankan tugas dengan betul dan ikhlas supaya mewujudkan suatu Lembaga Perpaduan Negara yang benar-benar boleh mewujudkan negara yang bersatu-padu dan saya akan menanti dan melihat hasil-hasil kegiatannya dalam masa hadapan. Walau bagaimanapun dengan perpaduan negara yang begitu penting yang pernah disebutkan, dikarang dan ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam buku "Dilemma Melayu"—satu bab yang sangat jelas dengan butir-butirnya apa yang dianggap dan disebutkan 'Perpaduan Negara' yang sebenarnya. Setengah daripada pendapat-pendapat itu, saya bersetuju dan setengah yang lain, saya tidak bersetuju.

Memang Lembaga Perpaduan Negara yang begitu penting yang sekarang semenjak tahun 1970 tidak dianggap penting oleh Jabatan Perdana Menteri. Misalnya, di waktu itu ada suatu National Unity Council dan Council itu gugur dalam kandungannya. Kemudian Jabatan itu didowngraded kepada taraf menjadi "Lembaga" sahaja dan pada September yang lalu kononnya kegiatan yang bercorak muhibbah dipadankan dengan konsep Rukun Tetangga. Ini bermakna tarafnya direndahkan sekali lagi pada tahun 1982.

Jadi perlantikan bagi Pengerusi Lembaga itu dari semenjak awalnya bagi orang-orang yang pada pendapat

saya tidak berani untuk mewujudkan suasana yang sihat untuk semua bangsa di negara kita. Sebagai Ketua Lembaga Perpaduan Negara, seseorang itu hendaklah mempunyai daya fikir, daya pengertian yang dalam dan yang luas dan mempunyai hubungan yang extensive dengan segala lapisan masyarakat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah percakapan ini ditunjukkan kepada Pengerusi yang baru atau secara am sahaja?

Dr Tan Seng Giaw: Secara am. Saya beri tahniah dan saya berharap beliau akan menjalankan tugas dengan hasil yang cemerlang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, menunggu hasil boleh, tetapi jangan membuatkan sangkaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak ada sangkaan, secara amnya saya sebutkan suatu kaliber untuk Pengerusi Lembaganya hendaklah mempunyai intelek, daya fikiran yang dalam dan luas dan hubungan dengan segala lapisan masyarakat yang luas supaya tiap-tiap lapisan masyarakat boleh menerima pendapat, fikiran, pandangan dan sebagainya.

Jadi saya di sini dengan izin, Tuan Pengerusi, ada satu petikan daripada seorang ahli falsafah dan pakar ekonomi, John Menache.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sekejap! Yang Berhormat dikehendaki menumpukan perbincangan kepada butir-butir di bawah Kepala-kepala yang berkenaan iaitu Yang Berhormat seharusnya membahaskan atas tajuk-tajuk atau perkara-perkara dan bukan membahaskan atas dasar amnya. Saya harap Yang Berhormat mengambil ingatan atas perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini idea-idea, tanggapan-tanggapan yang penting, kerana saya akan

sebutkan dan akan mencadangkan suatu Institusi Penyelidikan bagi Perpaduan Negara. Jadi ini petikannya yang penting, kerana pada pendapat saya selain daripada pertumbuhan dan kemajuan dari segi kebendaan (material) di negara ini dengan selarasnya, dengan serentaknya kita hendak adakan idea-idea yang sihat untuk mewujudkan perpaduan dan menghapuskan polarisasi kaum yang kian menjadi-jadi di negara ini kerana dasar yang tidak tepat dan tidak sesuai. Itu pendapat saya. Menurut John Menache, dengan izin;

The ideas of economists and political philosophers, both when they are right and when they are wrong, are more powerful than is commonly understood. Indeed, the world is ruled by little elfs. I am sure that the power of vested interests is vastly exaggerated compared with the gradual encroachment of ideas, not indeed immediatley but after a certain interval, for in the filed of economics and political philosophy, there are not many who are influenced by new theories after they are 25 or 30 years of age so that the ideas which civil servants and politicians and even agitators apply to current events are not likely to be newest but sooner or later, it is ideas, not vested interests which are dangerous for good or evel."

Menurut Akta Bahasa Kebangsaan, 1967, saya akan terjemahkan kepada Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat ini tidak perlu.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak perlu. Ini saya takut Ahli-ahli, terutamanya dari Matang dan Ulu Terengganu akan mendakwa saya tidak taat setia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Di sini saya akan bangkitkan dan juga telah dibangkitkan secara menyeluruh oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan satu Instituit Penyelidikan Perpaduan Negara yang bebas yang dianggotai oleh cendikiawan-cendikiawan dan oleh pemimpin-pemimpin daripada segala lapisan masyarakat termasuk Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: I beg your pardon!

Dr Tan Seng Giaw: Saya beri satu contoh untuk perpaduan. Pada tahun 1962 Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara menjadi Hakim di Kedah, Alor Star, Mahkamah Tinggi. Tuan Yang Dipertua sekarang ini jadi peguam di situ dan pada tahun 1962 beliau dan seorang peguam lagi, Tarsisha Singh, yang menggunakan Bahasa Malaysia di dalam Mahkamah sebagai satu amalan perbicaraan pada tahun 1962 lagi. Dan hampir semua tempat di Pantai Timur, Mahkamah-mahkamah menggunakan Bahasa Malaysia.

Pada waktu itu perkara dan isu ini tidak dilaung-laungkan dan diamalkan secara senyap-senyap sahaja. Itu satu perkembangan yang sihat. Dengan beransur-ansur Bahasa Malaysia diserap dan digunakan menjadi satu bahasa yang tetap wujud di negara kita. Ini memang tetap wujud. Semua rakyat Malaysia terima bahasa itu, dan Tuan Pengerusi boleh menjadi seorang ahli daripada instituit ini juga, boleh beri pandangan, fikiran bagaimana kita boleh mewujudkan perpaduan negara. Bukan secara paksa, tetapi beransur-ansur. Tidak payah kita menekan, memaksakan, bahasa Malaysia adalah bahasa tetap sebagai satu alat untuk pertalian dan perhubungan di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, satu pertalian dan komunikasi yang sangat penting. Misalnya, ada Ahli-ahli di sini

memang pendapatnya berlainan kalau dibandingkan dengan kita daripada pihak Pembangkang. Di dewan yang mulia ini saya berharap akan wujud suasana perpaduan juga sebagai satu contoh. Walau bagaimanapun, adalah pendapat-pendapat daripada Ahli-ahli penyokong Kerajaan itu, api sudah padam puntung berasap lagi.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Pengerusi, boleh memberi jalan? Saya minta wakil dari Kepong itu janganlah tunjuk kepada saya sahaja, tunjuk ke semua sekalilah (*Ketawa*). Nampaknya mentang-mentang Matang sahaja yang tentang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bukan dari Matang sahaja, banyak lagi termasuk Yang Berhormat Mulia malam semalam dan ada juga yang menjadi pak turut sahaja asalkan dilaungkan daripada atasan itu benar semua

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila arahkan ucapan kepada Kerusi, bukan ke atas (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Maksud saya, asal beringsang ikanlah belaka bagi setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini, saya berharap sikap ini akan diubahsuaikan untuk perpaduan negara. Dengan adanya Instituit Penyelidikan Perpaduan Negara, pihak cekap pandai boleh berbincang membuat penyelidikan dari segi polarisasi kaum, misalnya, polarisasi kaum yang terdapat di universiti-universiti kita.

Saya bercakap dengan hati sanubari yang ikhlas dan jujur, sebab saya dalam seminar boleh tanya Yang Berhormat yang ada di sinipun tahu menyertai banyak seminar di universiti tempatan. Saya dapat tahu golongan masyarakat Cina di satu tempat,

golongan masyarakat keturunan Melayu di satu tempat, golongan masyarakat daripada keturunan India satu tempat. Ini satu hal yang tidak sihat. Walhal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan di negara kita di dalam universiti-universiti tidak wujud soalan polarisasi kaum, cuma satu group behaviour sahaja yang disebutkan. Saya tidak bersetuju dengan pandangan ini, Saya percaya polarisasi kaum walaupun kita hendak berusaha untuk memadam dan untuk menghapuskannya masih terjadi. Dan pada pendapat saya menjadi semakin hari semakin menjadi kenyataan dan hakikat, yang lain perkara boleh diselidikan oleh Instituit Perpaduan Negara ini termasuk nilai-nilai kaum-kaum, Kaum India, Kaum Cina, Kaum Melayu, Kadazan, Iban dan sebagainya dan nilai-nilai kebudayaan dan sebagainya, dan perkara-perkara, fikiran dan hasil daripada penyelidikan boleh dibangkitkan ke Dewan yang mulia ini dari satu masa ke satu masa dan jika diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pandangan atau cadangan ini boleh dilaksanakan melalui Balai-balai Muhibbah yang terdapat sekarang dan tambahnya sekarang Rukun Tetangga juga dan saluran-saluran yang lain.

Malangnya, semenjak idea Instituit Penyelidikan Perpaduan Negara ini telah dibangkitkan pada tahun 1968 lagi, sudah 14 tahun tetapi sehingga sekarang tidak ada instituit yang seumpama ini. Jadi saya pun tidak tahu sekarang dengan Kerajaan 2M sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menitikberatkan mengenai Instituit yang tersebut. Bagi perpaduan negara, bagi menghapuskan polarisasi kaum, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Kabinet akan menimbangkan cadangan saya dan saya berharap juga cadangan ini dapat diterima dan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan suatu perkara lagi, Butiran 1100, program

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Kepala berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Kepala B. 7, Jabatan Perdana Menteri—Pentadbiran Am.

Ini berkenaan dengan “Dasar Pandang ke Timur”. Saya pun telah mendengar banyak kenyataan sama ada di Universiti Malaya, hujjah-hujjah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang depan saya sekaranglah, ini menurut tertib mesyuarat tidak boleh sebutkan nama pula (*Ketawa*).

Pada 21hb Oktober Yang Berhormat Menteri itu menyatakan bahawa pada keseluruhannya kita tidak nampak akan adanya kesan yang tidak baik terhadap ekonomi negara kita sekarang dengan terlaksananya dasar pandang ke Timur ini. Sebaliknya kita menjangka dia mungkin, dia letakkan “mungkin” disini; mungkin memberi kesan yang baik terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita kerana pelaksanaan dasar pandang ke timur itu adalah menitikberatkan usaha kita untuk mendapatkan kaedah-kaedah dan sistem pengurusan serta teknologi yang sesuai dengan kita dan yang boleh menambahkan lagi daya pengeluaran negara kita. Tambahan pula negara Jepun mulai sekarang ini mulai memberi perhatian yang lebih berat kepada negara kita kerana kita melaksanakan dasar pandang ke Timur.

Jadi ada pula peruntukan setakat ini lebih daripada \$11 juta. Saya akan menekankan di sini bahawa kita sangguplah berwaspada tentang dasar ini. Ada nilai-nilai yang kita patut tiru

dan serapkan jikalau boleh bukan dengan gopoh-gapah, dengan cara beransur-ansur memandangkan alam sekitar, memandangkan tradisi, ugama dan adat resam serta cara kehidupan yang sangat berbeza. Orang-orang Jepun dan orang-orang Malaysia sangat berbeza dan tambah pula kita hendak memperingatkan bahawa Jepun pada tahun 1868, sebelum tahun itu negara tersebut mengalami kesusahan dan penderitaan dan dengan adanya pemerintahan Meiji dari tahun 1868 sehingga tahun 1912—44 tahun; pihak pemerintah Jepun mengkaji, menyelidik dan menyerapkan nilai-nilai sains dan teknologi dan cara pengurusan untuk perdagangan dan perindustrian diserapkan menjadi nilai-nilai kebudayaan Jepun. Dalam tempoh lebih daripada setengah abad sehingga sekarang dan dengan contoh ini kita patutlah jangan menyegerakan hal ini, tetapi beransur-ansur. Jadi dalam tingkat permulaan lagi kita tengok dulu macam mana hasilnya, bolehkah masyarakat Melayu terima, bolehkah masyarakat orang Cina terima, bolehkah masyarakat orang India terima, sama ada nilai-nilai dan pandangan ke timur ini akan menjejaskan perpaduan ataupun mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita? Kita tidak dapat tahu lagi, kerana itu kita hendak memantangkan nilai-nilai yang buruk.

Misalnya dengan nilai-nilai sekarang, nilai barang bukan yang baik dan yang bagus sahaja ditiru dan diterima ada nilai-nilai buruk seperti hippies, seperti tarian-tarian yang tidak sihat yang diterima daripada barat, ada sikap dan nilai yang pada pendapat saya, yang saya sudah bangkitkan di sini tentang orang-orang Jepun iaitu persefahaman ke-tenteraan. Ini sangat bahaya. Misalnya kalau orang-orang Melayu terima persefahaman ini, kita hendak serang Singapura, kita hendak serang

Thailand dan sebagainya, walhal kita tidak mampu menyerang orang lain, inilah satu sikap dan pandangan yang buruk. Ada lagi sikap yang tidak berperikemanusiaan yang saya telah sebutkan, misalnya dalam perusahaan dan perdagangan. Saya pernah dengar dan saya berharap

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 10hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.